


**Jilid I  
Bil. 36**



**Hari Khamis  
13hb Disember, 1979**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA  
*SENATE***

**PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament***

**PENGGAL PERTAMA  
*First Session***

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3517]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1980 [Ruangan 3541]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAU TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Khamis, 13hb Disember, 1979

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**KELAHIRAN ANAK RAKYAT  
SINGAPURA DI MALAYSIA**

**1. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semenjak Kerajaan Singapura menghadkan tiap-tiap keluarga mempunyai 2 orang anak sahaja maka terdapat ramai ibu-ibu yang mengandung dari Singapura masuk ke Malaysia untuk bersalin di negeri Johor dan negeri lain dengan bilangan antara 35 hingga 40 orang tiap-tiap bulan; jika sedar, apa tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ramai ibu-ibu yang mengandung dari Singapura melahirkan anak di hospital-hospital negara ini, seperti di Johor, Seremban dan Pulau Pinang, tetapi tidaklah dapat ditentukan sama ada keadaan ini berlaku akibat daripada dasar Kerajaan Singapura menghadkan bilangan 2 orang anak sahaja pada tiap-tiap keluarga. Adalah menjadi amalan hospital-hospital di negara kita ini tidak menolak sesiapa pun jua yang hendak bersalin untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital di negara ini. Keadaan ibu-ibu ini sama dengan keadaan kes-kes kecemasan yang memerlukan rawatan perubatan yang segera dan adalah menjadi tanggungjawab hospital-hospital untuk memberikan rawatan yang diperlukan itu, atas sebab-sebab peri kemanusiaan, tanpa mengira dari mana datangnya ibu-ibu itu. Akan

tetapi jika sekiranya perkara ini mendaratkan masalah-masalah yang besar kepada Kerajaan maka langkah yang sewajarnya akan dipertimbangkan.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian menyimpan rekod iaitu ibu-ibu yang mengandung dari Malaysia juga banyak yang pergi beranak di Singapura. Adakah begitu, seperti orang-orang dari Singapura datang beranak di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain, minta notis.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Orang-orang ini termasuklah orang-orang Malaysia yang hendak beranak tidak dibenarkan beranak di Singapura. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab sedar warganegara Malaysia yang hamil tidak dibenarkan beranak di Singapura. Jikalau ada begini, apakah tindak balas kita terhadap warganegara Singapura yang hamil yang ada di negara ini?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar sama ada Kerajaan Singapura tidak membenarkan orang-orang Malaysia melahirkan anak di negara Singapura itu. Tetapi apa yang saya tahu bahawa memanglah menjadi amalan banyak negara di dunia ini membenarkan rakyat bukan warganegara mereka sendiri melahirkan anak di sana, umpamanya, di kalangan orang-orang kita di negara-negara Amerika, Kanada, United Kingdom dan lain-lain negeri lagi, banyak orang-orang kita melahirkan anak di sana, akan tetapi mestilah daftarkan dengan Embassy kita.

Mengenai tindak balas itu, saya rasa jawapan sudah saya beri tadi.

## GURU SISWAZAH SEBAGAI GURU BESAR

**2. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) Minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru siswazah yang menjadi guru besar dan berapa jamkah tiap-tiap seorang diwajibkan mengajar dan tidakkah lebih baik jika guru lepasan universiti itu ditugaskan sepenuh masa untuk mendidik murid-murid daripada menjalankan pentadbiran sekolah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru siswazah yang menjadi Guru Besar ialah seramai 597 orang. Tiap-tiap Guru Besar adalah dikehendaki mengajar 6 jam dalam seminggu. Sebagai Guru Besar mereka adalah menjadi Ketua Guru dan juga Ketua Pentadbir sesebuah sekolah itu. Ia perlu memberi pimpinan bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam semua hal.

## TABUNG PELABURAN BERSAMA

**3. Tuan Ismail bin Hashim** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar ASEAN dan Jepun akan menubuhkan Tabung Pelaburan Bersama untuk membangunkan ekonomi negara-negara anggota ASEAN. Jika ya, nyatakan bila ia akan ditubuhkan serta jumlah modal yang dicadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Persidangan "Peniaga-peniaga ASEAN-Japan" di Kuala Lumpur dalam bulan Julai, 1979, memang ada perwakilan Jepun mencadangkan supaya Tabung Pelaburan Bersama ditubuhkan untuk membangunkan ekonomi negara-negara anggota ASEAN.

Berkaitan dengan hal ini Persidangan tersebut bersetuju supaya pihak swasta ASEAN dan Jepun mengambil langkah menubuhkan satu Jawatankuasa terdiri dari pakar-pakar berkenaan bertujuan untuk meneliti cadangan tersebut dengan lebih mendalam.

## RELA—BILANGAN ANGGOTA

**4. Puan Dasimah Dasir** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota RELA mengikut negeri dan sama ada mereka akan diberi senjatapi tambahan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota-anggota RELA jumlahnya di seluruh negara adalah sebanyak 282,649 orang iaitu mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perlis	...	...	...	...	7,490
Kedah	...	...	...	...	28,161
Pulau Pinang	...	...	...	...	8,587
Perak	...	...	...	...	33,070
Selangor	...	...	...	...	23,563
Wilayah Persekutuan	...	...	...	...	5,821
Negri Sembilan	...	...	...	...	13,820
Melaka	...	...	...	...	13,675
Johor	...	...	...	...	30,990
Pahang	...	...	...	...	37,690
Trengganu	...	...	...	...	9,773
Kelantan	...	...	...	...	24,380
Sabah	...	...	...	...	29,450
Sarawak	...	...	...	...	15,999

Di atas bilangan senjatapi yang diluluskan untuk anggota-anggota RELA di dalam sesebuah negeri itu adalah terserah kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri untuk menentukan dan dalam menentukan bilangan senjatapi-senjatapi ini yang akan diluluskan itu, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri akan menimbang perakuan yang diberikan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah pula yang juga mengambil kira di atas suasana keselamatan dan keadaan sesuatu tempat kawasan ataupun daerah itu. Saya percaya sekiranya didapati perlu, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah akan membuat perakuan yang sewajarnya bagi menambah bilangan senjatapi sesuatu daerah ataupun kawasan dan dengan itu senjatapi keseluruhannya di satu-satu negeri itu akan dapat ditambahkan.

**Tuan Oh Siew Aun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengenai keanggotaan Ahli pada tiap-tiap negeri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, ada dua pasokan dari Pulau Pinang yang telah sukarela memohon masuk RELA tetapi sampai sekarang tidak dapat apa-apa jawapan. Saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan memberi tahu pada Dewan yang mulia ini iaitu permohonan mereka telah dibuat sudah lima atau enam bulan tetapi tidak dapat apa-apa jawapan. Segala borang-borang telah diisi dan telah dihantar tetapi pihak Pegawai RELA mengatakan supaya menunggu jawapan daripada Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur. Sehingga sekarang ini pasokan itu selalu sahaja datang ke rumah saya dan menanyakan bagaimana kad RELA itu tidak dapat walaupun mereka itu suka hendak menolong Kerajaan.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk menjadi anggota RELA adalah diperakukan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Kampung menerusi Pegawai RELA Daerah dan permohonan ini akan dihantar kepada Jawatankuasa Kerja Majlis Keselamatan Daerah yang mana akan mengemukakan kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri yang akan memutuskan permohonan menjadi ahli-ahli RELA itu. Kadang-kala ini akan mengambil masa, oleh sebab tiap-tiap orang yang memohon menjadi ahli RELA itu dikehendaki lebih dahulu pemeriksaan daripada polis (police vetting). Ini barangkali mengambil masa di setengah-setengah tempat tetapi pada keseluruhannya tidaklah mengambil masa yang panjang. Walau bagaimanapun, permintaan Ahli Yang Berhormat itu, saya akan mengambil ingatan.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, penubuhan badan-badan RELA ini, saya ingin tahu adakah badan RELA ini ditubuhkan dengan sukarela daripada satu-satu kampung dengan sendiri atau badan ini ditubuhkan oleh Kerajaan dan adakah pada masa akan datang Kerajaan ingin memberi mereka satu-satu latihan, oleh sebab mereka menjalankan tugas penting untuk menjaga keselamatan sesuatu kawasan yang penting, adakah apa-apa rancangan untuk memberi sesuatu latihan di depot polis pada masa akan datang.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, penubuhan RELA ini di kawasan-kawasan adalah dengan permohonan dan kehendak sukarela daripada masyarakat itu sendiri dan tumpuan penubuhannya adalah di kawasan-kawasan kampung dan pendalaman lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan sempadan dan perbatasan. Sememangnya bahawa pihak Kerajaan menggalakkan penubuhan RELA ini dan setelah RELA diwujudkan di satu-satu kawasan maka anggota-anggotanya akan diberi latihan dari satu masa ke satu masa yang berupa berbagai jenis termasuklah latihan persenjataan, latihan disiplin, peraturan, kepolisian dan sebagainya. Inilah cara-cara penubuhan RELA yang mana dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Haji Azlan Kinjawan:** Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa RELA di negeri Sabah semakin tidak berkesan. Memandangkan jenayah-jenayah terutama sekali di bandar-bandar makin berleluasa pada masa ini tetapi tidak nampak satu pondok RELA pun di kawasan-kawasan bandar seperti di Kota Kinabalu ataupun Sandakan di mana penjenayah-penjenayah itu sentiasa menjalankan usaha jenayah-jenayah mereka.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa perkhidmatan ahli-ahli RELA ini adalah terletak kepada ahli-ahli RELA itu sendiri dengan kemahuan mereka itu sendiri untuk mengadakan kawalan-kawalan keselamatan, kawalan kampung dan sebagainya. Dan ini juga terletak kepada dayausaha yang diambil oleh Jawatankuasa Keselamatan Kampung dan juga Jawatankuasa Keselamatan Daerah bagi mengarah mereka itu membuat kawalan-kawalan. Saya percaya RELA Negeri Sabah juga telah menjalankan kawalan-kawalan kampung dan kawalan-kawalan perbatasan sungguhpun tidaklah begitu menyeluruh. Dalam penyusunan semula bagi RELA ini, maka akan diambil perhatian dan tumpuan, saya harap akan diberi kepada penyusunan dan juga aktiviti RELA di Sabah dan Sarawak.

## PENDATANG HARAM VIETNAM

**5. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang-pendatang haram yang masih berada di negara kita pada masa ini dan sama ada negara-negara ketiga telah memberi jaminan untuk mengambil kesemua mereka-mereka ini.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, baki pendatang haram Vietnam yang masih berada di negara ini yang mana tiap-tiap hari telah pun dibangkitkan soalan ini, pada hari ini bakinya ialah sebanyak 33,331 orang, barangkali pada hari kelmarin angka itu lebih, tetapi hari ini angka itu sudahpun jatuh kepada 33,331 orang.

Bagi menjawab soalan yang kedua itu, sukalah saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara ketiga telahpun ber-setuju mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam dari negara kita ini dan pengambilan itu telahpun berjalan dengan baik dan setakat ini negara-negara ketiga telahpun mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam dari negara kita sejumlah banyaknya 87,055 orang sehingga hari ini.

Mengikut jangkaan kita sekiranya jumlah pengambilan oleh negara-negara ketiga setiap bulan pengambilannya tetap dan tidak ada pendatang haram Vietnam baru yang masuk ke negara ini maka dijangka dalam beberapa bulan yang akan datang ini tidaklah ada lagi pendatang haram di negara kita ini. Pihak kita sentiasa terus berusaha untuk meminta negara-negara ketiga mempercepatkan dan menambahkan lagi bilangan pengambilan pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih ada di negeri kita ini.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Tadi dijawab berkenaan pendatang-pendatang haram Vietnam. Saya hendak bertanya berapa banyak pendatang-pendatang Kampuchea pula sebab dua minggu lalu saya berada di Bangkok dan dalam kapalterbang yang saya naiki itu penuh di belakangnya pendatang-pendatang haram Kampuchea pergi ke Kuala Lumpur. Jadi mereka itu dari Kuala Lumpur hendak pergi ke negeri lain ataupun mereka datang hendak duduk menetap di sini ataupun sementara. Saya hendak bertanya bagaimana kedudukan perkara ini.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis sebab ini pendatang haram Kampuchea.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Sungguhpun Kerajaan telah beritahu rakyat iaitu kita tidak akan terima lagi pendatang-pendatang haram daripada Vietnam tetapi ada juga masih lagi mereka datang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi penjelasan bagaimana kita masih lagi terima pendatang-pendatang haram ini.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dasar kita tidak akan menerima pendatang-pendatang haram ini, tetapi yang masih datang bertambah itu dari segi peri kemanusiaan terpaksa kita menerima mereka itu untuk melindungi mereka buat sementara dihantar ke negara ketiga.

## PERMOHONAN PASPOT ANTARABANGSA

**6. Dato' Phua Cheng Leong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar:

- (a) bahawa permohonan paspot antarabangsa ditolak jika si pemohon tidak ada sijil beranak walaupun dia ada Sijil Kerakyatan dan Kad Pengenalan;
- (b) bahawa pemohon pemegang-pemegang paspot antarabangsa yang tidak ada sijil beranak tetapi ada Sijil Kerakyatan juga ditolak apabila membaharui paspot tersebut selepas lima tahun dan adakah ini bermakna bahawa Sijil Kerakyatan bukanlah satu dokumen yang sah bagi rakyat Malaysia.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kedua-dua bahagian soalan tersebut sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pemohon Paspot Antarabangsa itu untuk membuktikan beliau adalah seorang warganegara Malaysia. Surat Beranak adalah di antara beberapa dokumen yang mustahak di samping Kad Pengenalan Biru dan juga Sijil Kerakyatan untuk dikemukakan kepada Jabatan Imigresen bagi disemak untuk memastikan taraf seseorang itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa pengeluaran paspot kepada seseorang itu adalah satu pemberian bagi seseorang warganegara untuk kemudahan perjalanannya keluar negeri dan bukanlah satu hak yang mesti dimiliki oleh tiap-tiap warganegara.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Sebagai seorang warganegara yang mempunyai kerakyatan warganegara sungguhpun itu bukan hak tetapi sebagai warganegara tiap-tiap warganegara yang hendak keluar negeri dia pula berhak untuk memohon supaya mendapatkan paspot keluar negeri. Jikalau misalnya seseorang warganegara itu tidak ada mempunyai Surat Beranak, boleh atau tidak Kerajaan cuba menimbangkan iaitu kertas warganegara itu menjadi satu dokumen yang penting untuk menentukan dia mendapat paspot atau tidak.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi untuk kepastian Jabatan Imigresen kita kehendaki ketiga-tiga dokumen yang tersebut itu dan jika sekiranya salah satu dokumen tidak ada hendaklah ianya mengemukakan Surat Sumpah supaya meyakinkan keterangan yang tersebut tadi.

#### MAKTAB LATIHAN POLIS— KELAYAKAN MINIMA

7. **Tuan Oh Siew Aun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kelayakan minima untuk masuk ke maktab latihan polis; dan
- (b) bilangan pelatih-pelatih mengikut kaum yang telah mengikuti latihan di maktab tersebut.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana saya telah terangkan dalam soalan pada hari kelmarin iaitu bagi Polis sahaja, bukan Tentera, sebab Tentera adalah tanggungjawab Kementerian Pertahanan. Maka Maktab Polis di Kuala Kubu Bahru adalah menyediakan kursus-kursus pengurusan, siasatan jenayah dan juga pen-

tadbiran. Pegawai-pegawai yang berpangkat sekurang-kurangnya Inspektor yang disahkan (confirmed) sahaja boleh dipilih untuk mengikuti kursus-kursus tersebut. Itulah kelayakan minima yang dikehendaki bagi masuk Maktab Latihan Polis itu.

- (b) Bagi bilangan Pegawai-pegawai Polis yang mengikuti kursus di Maktab tersebut pula mengikut kaum adalah seperti berikut, sungguhpun kita tidaklah beralas kepada penerimaan mengikut kaum pada menerima seseorang calon masuk, iaitu:

Tahun	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
1977	399	77	51	33	560
1978	546	124	70	34	774
1979	882	195	64	38	1,179

(Sehingga bulan November)

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Mengikut Criminal Procedure Code, seorang Ketua Balai (OCS) atau seorang berpangkat Sarjan ada kuasa menyiasat (power of investigation), saya sudah lupa seksyen itu. Oleh kerana itu, adakah Kerajaan ingin dengan tujuan meninggikan taraf penyiasatan-penyiasatan di Jabatan Polis menghantar pegawai-pegawai berpangkat rendah seperti Sarjan atau Kopral keluar negeri? Dalam tentera memang ada dihantar pegawai berpangkat rendah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain, tidak ada kena mengena dengan soalan asal.

#### BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

8. **Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana menjelang tahun 1981 semua sekolah-sekolah menengah di Semenanjung Malaysia akan mengeluarkan penuntut-penuntut aliran Bahasa Kebangsaan sahaja, apakah rancangan Kementerian untuk melengkapkan penuntut-penuntut dalam penyampaian Bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di yayasan-yayasan tinggi di seberang laut.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan alihbahasa yang dijalankan di sekolah-sekolah secara beransur-ansur akan terlaksana dengan sepenuhnya di

peringkat sekolah menengah atas menjelang tahun 1981. Walaupun pada tahun tersebut pendidikan pada keseluruhannya dijalankan dalam Bahasa Malaysia bagi kesemua mata-pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah, kecuali mata-pelajaran-matapelajaran Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, tetapi Kementerian Pelajaran tidak melupakan peranan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa perhubungan antarabangsa. Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat agar pendedahan murid-murid dalam matapelajaran ini adalah mencukupi. Dalam amalan sekarang murid-murid sekolah rendah kebangsaan diajar Bahasa Inggeris semenjak Darjah Satu lagi dengan peruntukan masa 300 minit seminggu.

Kualiti guru Bahasa Inggeris diperbaiki dan ditingkatkan. Ada di antara calon-calon guru yang berjaya mengikuti kursus prakhidmat sama ada untuk sekolah rendah atau menengah, membuat pengkhususan dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Sementara guru-guru terlatih pula diberi latihan pengukuhan melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan yang diadakan di Universiti Malaya dan Maktab Perguruan Bahasa. Selain dari itu mereka ditawarkan kursus-kursus jangka pendek seumpama itu juga di institusi-institusi pendidikan di luar negeri semuanya bertujuan untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam pengajaran Bahasa Inggeris.

Baru-baru ini sejumlah 200 orang pakar Bahasa Inggeris telah diambil secara kontrak dari England secara berperingkat-peringkat. Mereka akan berkhidmat di sini sehinggalah kontrak mereka tamat dalam tempoh 3 tahun. Di samping itu Kerajaan juga telah melancarkan kempen Bahasa Inggeris di peringkat negeri dan kebangsaan sebagai satu langkah untuk menyedarkan murid-murid, guru-guru, ibubapa-ibubapa dan masyarakat supaya jangan mengabaikan pelajaran Bahasa Inggeris.

Segala projek yang dirancang dan dilaksanakan ini merupakan jangkaan Kerajaan dalam menghadapi tahun-tahun akan datang yang lebih mencabar. Bahasa Inggeris tetap akan dikekalkan tarafnya dan adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan murid-murid di negara ini sekurang-kurangnya bilingual.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ada menyatakan 250 pakar Bahasa Inggeris telah datang ke sini untuk mengajar murid-murid kita. Oleh kerana kita pandangkan bahasa Inggeris ini adalah satu bahasa yang tinggi darjahnya dan oleh kerana bahasa Inggeris ini dipandang oleh Kerajaan kita iaitu kalau tidak ada bahasa Inggeris tidak boleh kita meninggikan lagi pelajaran kita. Dengan sebab itu bahasa Inggeris adalah bahasa yang penting sekali di atas dunia ini. Soalan saya berapa banyakkah lagi dan tentunya Kerajaan atau Kementerian Pelajaran telah menyediakan berapa banyak hendak dibawa lagi pakar-pakar bahasa Inggeris ini ke dalam negeri kita.

Kedua, adakah difikirkan oleh Kementerian Pelajaran iaitu bahasa Inggeris ini adalah satu bahasa yang terpaksa sangat dipelajari—bahasa kedua, walaupun tidak dijadikan bahasa pertama. Oleh kerana difikirkan dalam negeri lain, negeri China misalnya, bahasa Cina itu yang penting sekali, tetapi bahasa Inggeris adalah satu bahasa yang patut dipelajari, di negeri Jepun bahasa Inggeris tidak begitu penting cuma dipakai sebagai satu bahasa yang patut dipelajari. Di universiti-universiti lain juga ada satu subject untuk bahasa Inggeris. Tidakkah boleh Kerajaan membuat begitu iaitu satu daripada subject di universiti itu bahasa Inggeris dipentingkan kepada penuntut-penuntut, jangan didewa-dewakan sangat bahasa Inggeris ini. Boleh atau tidak dibuat begitu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan pertama ialah berkenaan dengan terdapatnya 200 guru-guru ini telah dihantar secara berperingkat-peringkat daripada England dan adakah kita akan mengambil lebih lagi. Buat sementara waktu pihak Kementerian memikirkan 200 guru ini telah mencukupi dan barangkali program kita dalam ini guru-guru ini akan datang dari peringkat ke peringkat dan dalam masa tiga tahun ini melalui Universiti Malaya dan juga melalui maktab-maktab perguruan kita, sehingga tiga tahun ini kita fikir kita akan dapat cukup guru-guru untuk mengajar mata-pelajaran bahasa Inggeris di dalam sekolah-sekolah menengah atau sekolah-sekolah rendah kita.

Soalan tambahan kedua mengatakan di peringkat universiti, bolehkah kita mengadakan satu subject bahasa Inggeris. Memang di Universiti Malaya kita ada, cuma tidak ada dijadikan bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran tetapi ada kemudahan-kemudahan untuk memberikan latihan kepada guru-guru kita dalam masa perkhidmatan dan tentulah cadangan Ahli Yang Berhormat itu kita ambil timbangan pada masa yang akan datang.

### MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

**9. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebabnya minyak diesel sangat-sangat kurang khususnya di Negeri Kedah di mana kadang-kadang hendak membeli \$8 diesel pun terpaksa berbaris hingga sampai 3 jam dan ada kalanya diesel tidak dapat dibeli kerana telah kehabisan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kekurangan minyak diesel pada amnya saya telahpun menjawab soalan yang serupa semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim pada hari semalam dan saya tidak ada apa-apa hendak tambah. Khususnya bagi negeri Kedah dalam sebulan dua ini Kementerian saya tidak menerima apa-apa aduan mengenai kekurangan diesel.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal sama ada Yang Berhormat Menteri sedar apabila harga minyak diesel termasuk minyak tanah dibenar dinaikkan oleh Kerajaan maka hilanglah kekurangan itu dan bekalan minyak dalam market itupun adalah melebehi. Jikalau ada apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil tentang kilang-kilang minyak yang berkenaan itu.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, apabila harga naik kita memastikan bahawa bekalan minyak dan semua barangan petroleum mencukupi untuk kegunaan di negara kita ini dan seperti satu jawapan yang panjang lebar yang saya beri kepada Dewan yang mulia ini semalam, saya ingat saya telah menyatakan keadaan berkenaan dengan bekalan dan juga harga barangan-barangan petroleum.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya puas hati berkenaan jawapan semalam tetapi yang saya hendak tanya sekarang ini mengerti atau tidak Menteri yang bertanggungjawab iaitu sekarang ini sudah timbul perkara ini di Kedah, di Pahang, di Selangor dan ini menandakan betul. Semua berkata kurang, kurang; Menteri menjawab tidak, tidak. (*Ketawa*) Ini yang saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bolehkah disiasat betul-betul. Harga tidak menjadi soal, kita tahu, tetapi bolehkah atau tidak disiasat betul-betul di atas kekurangan minyak diesel dengan lebih mendalam lagi.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku bahawa dalam bulan Ogos-Oktober ada tempat-tempat yang mana menghadapi kekurangan bekalan diesel khususnya di stesen minyak (petrol pump), tetapi sejak bulan Oktober, November sehingga sampai sekarang, Kementerian saya tidak banyak menerima laporan mengenai di mana stesen minyak ada tanda sold out. Masalah ini saya ingat sudah kurang berlaku. Apa yang berlaku sekarang ialah pihak industri seperti lombong dan juga pekilang-pekilang kecil menghadapi kesusahan untuk membeli diesel daripada wakil-wakil atau pengedar-pengedar syarikat minyak dan ini Kementerian saya pun telah mengambil tindakan yang mana kita siasat. Jika benar bekalan tidak cukup kita mengarahkan syarikat minyak itu membekalkan diesel kepada mana-mana pihak yang benar-benar menghadapi kekurangan diesel.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat dukacita pada hari semalam saya sendiri telah berucap dalam Dewan yang mulia ini, boleh dikatakan keseluruhan negeri sekarang minyak diesel tak boleh didapati, sehingga sampai hari ini di dalam negeri Johor sendiri minyak diesel tak didapati. Saya harap Menteri berkenaan, baiklah mengakui sama ada minyak diesel itu cukup atau tidak, kalau dia kata cukup, fasal apa minyak diesel tak boleh dapat sekarang?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telahpun siasat perkara ini dan telah mengambil perhatian berat atas

aduan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu dan tinjauan keadaan bekalan telah dibuat dan seperti angka-angka yang saya bentangkan pada hari semalam yang mana menunjukkan pertambahan minyak diesel sahaja dalam 8 bulan tahun ini jika dibandingkan dengan 8 bulan yang sama tahun 1978 telah bertambah bekalan sebanyak 14%. Minyak diesel adalah cukup di negara kita ini. Soal ke mana minyak itu pergi, ini ialah satu masalah. Yang saya tahu ada setengahnya telah diseludupkan ke luar negeri sebab harga minyak diesel di negara ini hanya \$1.30. Di Singapura \$1.85 dan di Sungai Golok \$2.40. Jadi ini adalah galakan di mana diesel-diesel itu telah diseludup dan juga saya rasa banyak dealer mengambil bekalan daripada syarikat minyak dan enggan menjual dengan harga di paras \$1.30 yang telah ditetapkan. Seperti Ahli Yang Berhormat telah katakan kalau dijual under the counter barangkali bekalan cukup, tetapi ini satu masalah Kementerian saya boleh ambil tindakan kalau kita ada mendapat laporan ada orang menjual lebih daripada harga itu atau menyimpan minyak diesel lebih daripada apa yang telah ditetapkan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian saya ini.

**Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu kepada Menteri berkenaan iaitu minyak diesel biasanya tak dapat diperolehi di masa hari Sabtu dan hari Ahad—mungkin minyak diesel itu berehat—tetapi yang menghairankan pada hari Isnin pagi bila kita pergi pada jam 8.30 pagi minyak disel ada. Pada minggu yang lepas saya telah pergi sebanyak 8 petrol station untuk mendapatkan minyak di Kuala Lumpur tidak dapat. Begitu juga berlaku di Pahang.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat Senator itu beri maklumat kepada saya mana-mana stesen dan pada hari apa dan saya boleh mengarahkan pegawai saya untuk menyiasat perkara ini.

#### RUMAH PANGSA DI TANJONG TOKONG

**10. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada benar bahawa penduduk-penduduk di

Tanjong Tokong, Pulau Pinang tidak puas hati dengan pembahagian rumah-rumah pangsa yang dibina oleh UDA; jika ya, mengapa dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, persetujuan telah dibuat dengan wakil-wakil penduduk-penduduk Tanjong Tokong bahawa kesemua penyewa-penyewa lesen tumpangan di kawasan yang terlibat yang telahpun didaftar akan diberi keutamaan untuk memiliki rumah-rumah projek ini.

Berhubung dengan Fasal, 96 units telahpun siap. Sebanyak 45 keluarga penyewa tanah akan diberi milik. 5 units akan diberi milik kepada Kementerian Kesihatan untuk dijadikan klinik dan tempat tinggal bagi 3 orang kakitangannya. Bakinya akan diberi sebagai sewaan sementara kepada penyewa-penyewa tanah yang terlibat dalam Fasal III. Ini telah diperbuat oleh kerana Fasal II dan III akan dimajukan serentak apabila pemindahan ini selesai. Langkah-langkah ini telah diambil dengan persetujuan penduduk-penduduk kampung melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

Oleh yang demikian, perkara tidak puas hati yang dikatakan itu tidak berbangkit.

#### MASJID KAWASAN CHERAS

**11. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menerangkan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah masjid bagi penduduk-penduduk sekitar Cheras, Kampung Kongo, Sungai Midah, Cheras Batu 3½, yang kini tidak ada sebuah masjid pun di kawasan tersebut bagi orang Islam menunaikan fardu Jumaat.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membina sebuah masjid baru di sekitar Cheras iaitu Masjid Bandar Baru Cheras di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Masjid ini akan didirikan di Kampung Kongo, Cheras.

Tuan Yang di-Pertua, masjid ini dijangka siap di dalam bulan Februari, 1983 dengan anggaran kosnya berjumlah \$3,000,500. Adalah dijangka masjid ini akan dapat menampung seramai 3,000 orang dalam satu masa sembahyang. Buat masa ini adalah masih di dalam proses lantikan dan perundingan bagi pembinaan. Untuk tujuan pembinaan masjid ini juga Kerajaan telah meluluskan sebanyak \$200,000 dalam tahun 1979 dan \$1,000,000 dalam tahun 1980. Di samping pembinaan masjid baru di sekitar Cheras, Kerajaan juga telah membina 5 surau di Taman Taynton View dan juga di Kompleks Belia, Cheras.

## **MINYAK TANAH—KENAIKAN HARGA**

**12. Puan Rahmah Ofiman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan harga minyak tanah telah dinaikkan 18% dan seterusnya minyak-minyak lain seperti Premium Petrol 6%, Regular 8%, ini bermakna orang-orang luar bandar yang miskin dan yang berpendapatan rendah yang banyak menggunakan minyak tanah untuk lampu dan dapur dan sama ada kenaikan ini dianggap berpatutan dan menasabah.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga barang-barang petroliam di Malaysia ada kaitan rapat dengan kedudukan dan bekalan minyak mentah yang didapati di pasaran antarabangsa. Pada masa ini harga minyak mentah ditetapkan oleh Pertubuhan Negara-negara Mengekspot Minyak ataupun OPEC. Harga "market crude" OPEC pada tahun 1977 ialah US\$12.74 satu tong dan ini telah meningkat sebanyak 14% kepada US\$14.55 satu tong mutai 1 April, 1979. 1 Julai, 1979, OPEC telah menaikkan harga asas minyak mentah sebanyak 24% kepada US\$18 satu tong dan juga menetapkan satu harga bumbung pada harga US\$23.50 ke atas semua minyak mentah keluarga OPEC. Kenaikan harga minyak dan barang-barang petroliam sebanyak 2 kali dalam tahun ini di negara adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah tersebut di atas.

Berikutan dengan kenaikan harga minyak mentah oleh OPEC juga kesemua 5 buah syarikat minyak telah membuat permohonan kepada Kerajaan untuk menaikkan harga minyak petrol jenis premium dan regular,

diesel dan minyak tanah. Kementerian saya telah mengkaji permohonan syarikat-syarikat minyak dengan teliti dan daripada kajian-kajian yang dijalankan oleh Kementerian saya, Kementerian berpendapat bahawa untuk menyelesaikan masalah harga barang-barang petroliam di negara ini boleh diatasi dengan 2 cara, iaitu:

- (i) Menambah subsidi;
- (ii) Meluluskan dengan penuh permohonan kenaikan harga yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat minyak.

Di dalam menimbangkan permintaan kenaikan harga ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk membebaskan rakyat yang mana Kerajaan telah mengambil satu jalan tengah di antara kedua-dua cara yang disebutkan di atas. Berasaskan kepada kenaikan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa yang begitu tinggi, kenaikan harga barang-barang petroliam dalam negeri tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun untuk meringankan beban kenaikan harga ini terhadap pengguna-pengguna, Kerajaan telah menampung kenaikan harga baru-baru ini dengan memberi subsidi kepada minyak disel dan minyak tanah serta mengurangkan cukai impot ke atas minyak petrol premium dan regular. Subsidi yang diberi ke atas minyak tanah adalah 51 sen segelen dan minyak disel 46 sen segelen. Sementara itu Kerajaan telah juga mengurangkan cukai impot dan eksais ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 10 sen dan pengecualian penuh cukai tokok (surtax) sebanyak 5% atas pengimpotan minyak petrol premium dan regular. Langkah-langkah ini melibatkan sebanyak \$340 juta bagi tahun ini.

Kerajaan memang sedar iaitu kenaikan harga minyak tanah telah membebaskan orang ramai terutama sekali penduduk-penduduk luar bandar yang miskin dan berpendapatan rendah. Perkara ini tidak dapat dielakkan oleh kerana jurang perbezaan di antara harga minyak tanah dan minyak disel mestilah berdekatan untuk mengelakkan penggantian kegunaan (substitution) di antara minyak tanah dengan minyak disel. Sekiranya jurang perbezaan harga minyak tanah dan minyak disel berjauhan mungkin terdapat keadaan di mana penggunaan minyak tanah berlebihan dan ini akan mengakibatkan kekurangan minyak tanah.

## BAHAN-BAHAN MENTAH

**13. Tuan Choo Ching Hwa** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa sebagai sebuah negara membangun yang bergantung kepada bahan utama, ekonomi Malaysia tidak terletak daripada pengaruh ekonomi negara-negara membangun dan memandangkan ekonomi dunia akan menghadapi kemerosotan pada tahun hadapan, sama ada beliau akan menggunakan bahan-bahan utama tempatan; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Malaysia bergantung kuat kepada beberapa bahan-bahan mentah asas dan ini telah menyebabkan ekonomi Malaysia mudah terjejas dengan keadaan ekonomi negara-negara lain, terutamanya negara-negara rakan perniagaan Malaysia. Ini adalah satu kenyataan yang kita mesti hadapi selagi kita bergantung kepada pasaran eksport bagi bahan-bahan mentah kita dan selagi harga-harga barang-barang ini turun naik.

Kerajaan telah memang sedia maklum ke atas keadaan ini. Selain daripada menggalakkan memperbagaikan ekonomi dengan tujuan mengurangkan pergantungan ekonomi kepada beberapa keluaran bahan mentah, serta mengambil tindakan untuk mendapatkan harga-harga yang berpatutan dan stabil untuk bahan-bahan ini di pasaran eksport, Kerajaan juga menggalakkan pemesehan tempatan bahan-bahan ini untuk meninggikan nilai tambahan sebelum dieksportkan. Ini ternyata sekali dari adanya berbagai-bagai galakan cukai disediakan oleh Kerajaan untuk perusahaan-perusahaan yang menggunakan sumber tempatan bagi menggalakkan pengeluaran barang-barang separuh siap atau barang-barang siap (manufactured and semi-manufactured) daripada sumber-sumber tempatan. Walau bagaimanapun, masalah teknologi yang dihadapi oleh perusahaan perkilangan tempatan dan juga pasaran tempatan yang terhad kita tidak dapat memproses dan menggunakan barang-barang siap selepas yang kita kehendaki. Oleh itu kebanyakan bahan-bahan mentah itu terpaksa dieksport dalam bentuk asalnya.

Sungguhpun begitu, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam masa-masa akan datang, Kerajaan akan terus memberikan

keutamaan kepada pembangunan perusahaan yang menggunakan sumber-sumber atau bahan-bahan mentah di negara ini. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun mengisytiharkan iaitu dekad lapan-puluhan adalah sebagai satu dekad di mana eksport Malaysia pada tahun lapan-puluhan akan mengandungi barang-barang buatan (manufactured goods) seberapa yang boleh dan mengurangkan pengeksporan bahan-bahan mentah itu dalam bentuk asalnya (Decade of the Resource Based Industries).

## SYARIKAT MOTOR KENDERAAN NISSAN HOMER (DIESEL)

**14. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Pengangkutan menyatakan benarkah sebuah syarikat Motor kenderaan jenis Nissan Homer (Diesel) telah melakukan penipuan dalam pendaftaran kenderaan tersebut di Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai kenderaan 50 cwt sahaja tidak 61 cwt. sedangkan kenderaan tersebut mengikut katalog asal beratnya 1.5 ton, bukan 1 ton; bahawa penipuan seperti ini berlaku semenjak tahun 1974 dulu dan Kerajaan telah kehilangan hasil lebih satu juta ringgit; jika ya, terangkan secara terperinci punca-punca penipuan itu boleh berlaku dan tindakan yang telah diambil ke atas Syarikat berkenaan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun dirujuk kepada Kementerian Undang-undang untuk kajiannya.

## KANAK-KANAK BELAJAR DI SEKOLAH BERHAMPIRAN

**15. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa kanak-kanak yang tinggal di sesuatu tempat tertentu dihantar belajar ke sekolah yang jauh dari kediamannya yang mendatangkan kesusahan kepada ibubapa mereka dan sama ada Menteri berkenaan akan menasihatkan Ketua Pelajaran Negeri supaya kanak-kanak ini dimasukkan ke Darjah Satu di sekolah yang berhampiran dengan rumahnya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat itu tidak berapa tepat.

Dasar Kementerian Pelajaran ialah menempatkan kanak-kanak di Sekolah-sekolah yang berhampiran dengan rumah mereka. Tetapi ada ibubapa yang memilih sekolah-sekolah yang tertentu walaupun sekolah-sekolah ini jauh dari tempat kediaman mereka.

Ibubapa yang mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah yang berhampiran dengan rumah mereka akan diberi tempat seberapa yang boleh bergantung kepada:

- (1) Kekosongan yang terdapat di sekolah.
- (2) Sama ada kanak-kanak itu ada abang atau kakak di sekolah yang berhampiran dengan rumahnya.

Jika tiada kekosongan di sekolah yang diminta, kanak-kanak itu akan dihantar belajar ke sekolah yang lain tetapi berdekatan dengan rumah mereka juga.

#### DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

**16. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan usaha-usaha Kementerianya bagi memaju dan melaksana Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian):** Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan dan rancangan-rancangan tahunan Pesta Pembangunan yang dijalankan oleh Kementerian termasuk Jabatan Muzeum adalah merupakan usaha-usaha Kementerian ini bagi memaju dan melaksanakan kebudayaan kebangsaan. Oleh sebab bilangan kegiatan amat banyak maka ia boleh dibahagikan kepada bidang-bidang seperti bidang penyelidikan kebudayaan, bidang pendidikan kebudayaan, bidang pembangunan dan pengalakan dan bidang penyelarasan kegiatan-kegiatan kebudayaan termasuk kegiatan kebudayaan yang dijalankan oleh badan-badan seni budaya sukarela.

Untuk makluman Yang Berhormat rancangan yang besar yang sedang dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan ialah Kompleks Budaya Negara, Panggung Negara dan Akademi Seni.

#### KAMPUCHEA—KEBIMBANGAN ASEAN

**17. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa memandangkan konflik Vietnam/Kampuchea yang begitu serius hari ini sama ada beliau telah mengadakan persidangan khas dengan negara ASEAN bagi membincangkan masalah pertahanan dan keselamatan bagi negara-negara ASEAN keseluruhannya.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar perkara pertahanan dan keselamatan bukanlah di bawah portfolio saya. Tambahan lagi, seperti yang telah beberapa kali dinyatakan terlebih dahulu, ASEAN bukanlah merupakan satu pakatan tentera. Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN memang berbincang di antara satu sama lain, dari masa ke semasa berkenaan perkara-perkara kepentingan bersama. Persengketaan di Kampuchea tentulah menimbulkan kebimbangan kepada Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain disebabkan ia merupakan satu ancaman yang serius terhadap keamanan, kestabilan dan keselamatan di rantau ini yang boleh menjejaskan matlamat kerjasama dan pembangunan ekonomi ASEAN. Sekiranya keadaan ini tidak dikawal ia akan merebak menjadi satu persengketaan yang lebih serius lagi. Di dalam konteks inilah Menteri-menteri Luar ASEAN telah bermesyuarat di Bali dalam bulan Jun, 1979, dan di Kuala Lumpur dalam bulan Ogos, 1979. ASEAN telahpun melahirkan perasaan kebimbangan terhadap persengketaan yang berterusan di Kampuchea, dan menyeru agar diadakan penarikan keluar tentera-tentera asing dari Kampuchea agar menghormati hak rakyat Kampuchea untuk menentukan masa hadapan mereka tanpa sebarang campurtangan dari manamana kuasa asing, dan agar satu penyelesaian politik diadakan untuk menentukan keadulatan dan kemerdekaan Kampuchea.

ASEAN dan bersama dengan negara-negara lain juga telah mengambil tindakan untuk membawa perkara ini ke Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Sessi 34 yang sedang berjalan di New York. Seperti Ahli Yang Berhormat sedar, di atas inisiatif negara-negara ASEAN dan negara-negara lain ini, Bangsa-bangsa Bersatu telah dengan suara

terbanyak menerima ketetapan berkenaan dengan keadaan di Kampuchea pada 18hb November, 1979.

Dengan tujuan hendak menimbangkan dan membincangkan perkembangan-perkembangan terbaru berkenaan situasi di Kampuchea, maka Malaysia akan menjadi tuan rumah pada 12hb-13hb Disember iaitu semalam dan hari ini bagi satu persidangan SOM (Senior Officers Meeting—Mesyuarat Pegawai-pegawai Tertinggi Kementerian Luar Negeri) Negara-negara ASEAN dan persidangan tidak rasmi Menteri-menteri Luar ASEAN pada 14hb Disember, iaitu esok.

Sungguhpun ASEAN bukanlah satu pakatan tentera, negara-negara ASEAN adalah bebas untuk memperkukuhkan dan meningkatkan kerjasama di bidang keselamatan dan ketenteraan berasaskan dasar hubungan dua-hala. Oleh itu, Malaysia sentiasa sedia meningkatkan lagi, jika perlu, kerjasama dalam bidang-bidang ini di sempadan kita dengan Thailand dan Indonesia.

#### ANGKATAN TENTERA— KEDUDUKAN KESELAMATAN

**18. Dato' Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan keadaan yang bertambah meruncing di sempadan Thailand-Kampuchea, sama ada Kerajaan menganggapkan sistem pertahanan Malaysia untuk menentang penyerangan dari luar negeri adalah memadai; jika tidak, apa langkah yang sedang diambil untuk memastikan negara kita bersedia untuk menghadapi kemungkinan itu.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya terangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini kita sentiasa memerhati dan mengkaji kedudukan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini secara menyeluruh, supaya kita dapat sentiasa bersedia menghadapi apa jua ancaman sama ada dari dalam atau dari luar negeri.

Kita sentiasa mengkaji sistem pertahanan kita dari segi kekuatan, peralatan, latihan dan penggunaannya supaya Angkatan Tentera Malaysia dapat memenuhi tanggungjawabnya menjaga keselamatan negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, dari anggaran belanjawan tahun 1980 Kementerian Pertahanan, kita telah dan sedang meneruskan rancangan-rancangan bagi menemui keperluan-keperluan yang saya sebutkan di atas. Saya suka memberi jaminan bahawa Angkatan Tentera kita mempunyai persediaan yang cukup untuk mengatasi apa jua ancaman-ancaman yang mungkin berbangkit dalam sesuatu keadaan yang kita dapat nilaikan dari semasa ke semasa.

#### KAMUS DWI BAHASA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

**19. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bila semua Sekolah-sekolah Menengah di Sabah dan Sarawak akan mendapat kamus Dwi Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kamus Dwi Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka telah dikeluarkan oleh Dewan kira-kira 4 bulan yang lalu dan telah dijual dengan harga \$25 senaskah di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak, tetapi jumlahnya adalah terhad oleh kerana belum siap dicetak semuanya.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengirinkan lagi kamus yang berkenaan ke Sabah dan Sarawak dan semua Sekolah Menengah di kedua-dua negeri yang berkenaan bolehlah membelinya mulai bulan Disember ini.

#### PELANCARAN GERAKTANI

**20. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Pertanian menyatakan semua perbelanjaan kerana pertunjukan dan pelancaran Geraktani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Cetak, Pasir Mas, pada 4-11-79 itu, termasuk belanja-belanja pengangkutan dan elaun perjalanan dan penginapan pegawai-pegawai dari semua Jabatan berkenaan serta menteri-menteri dan wakil-wakil rakyat.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan bagi pelancaran "Geraktani" ialah \$34,500. Pelancaran

ini dijalankan serentak dengan Hari Peladang Kebangsaan yang diadakan pada tiap-tiap tahun.

Berkenaan dengan belanja perjalanan dan penginapan pegawai-pegawai tidaklah dapat disebutkan dengan pastinya kerana pegawai-pegawai tersebut pergi ke Kelantan untuk menjalankan tugas-tugas rasmi yang lain di samping tugas menguruskan pelancaran "geraktani" ini.

Dalam hal ini bukanlah jumlah perbelanjaan yang dititikberatkan tetapi hasil daripada pelancaran itu yang telah memberi faedah kepada rakyat jelata. Di samping mengikuti perkembangan-perkembangan pertanian dalam pameran-pameran di situ, kaum tani juga dapat diberi galakan berhubung dengan usaha-usaha hendak memodenkan pertanian yang menjadi usaha utama Kementerian Pertanian.

### PENYELUDUPAN BIJIH TIMAH

**21. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah tangkapan yang telah dibuat dan banyaknya bijih-bijih timah yang telah dirampas oleh pengeksportharam keluar negeri melalui lori/motokar dan keretapi sehingga hari ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh Januari dan Oktober tahun 1979 ini, Kerajaan telah berjaya mengesan sejumlah 148 kes-kes penyeludupan bijih-timah. Dalam kes-kes tersebut, seramai 110 orang telah ditangkap dan sejumlah 2,070.27 pikul atau 125,243.42 kg. bijih timah bernilai \$3,855,508.78 telah dirampas. Kesemua tangkapan dan rampasan tersebut adalah dari lori-lori dan motokar-motokar sahaja. Tidak terdapat kes-kes di mana penyeludupan telah dilakukan dengan menggunakan keretapi.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang di-

tangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Disember, 1979).

3.36 ptg.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah di Dewan Negara pada 10-12-1979 mengenai Akta bagi menggunakan sebahagian dari Kumpulanwang yang dipersatukan untuk perkhidmatan tahun 1980 serta menguntukkan wang tersebut bagi kegunaan perkhidmatan tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan yang terkandung di dalam buku ini dan telah diserahkan kepada Ahli-ahli Dewan sekalian, maka bagi pihak saya sendiri adalah cukup berpuashati sebagaimana yang disuarakan oleh kebanyakan daripada Ahli-ahli di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara.

Perbelanjaan yang diuntukkan sebanyak \$20,724 juta yang terkandung di dalam itu adalah merupakan satu estimate yang cukup bagus untuk dikemukakan kepada negara Malaysia yang sedang membangun ini. Saya tidaklah hendak memuji begitu panjang di dalam perbelanjaan ini tetapi suka memberi beberapa pendapat saya berhubung dengan Belanjawan ini.

Saya mulakan dengan Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, menurut Belanjawan yang ada di sini maka peruntukan yang dikhaskan kepada Kementerian Pelajaran ialah \$2,700 juta bagi tahun 1980, yang bererti 10% daripada perbelanjaan negara kesemuanya. Maka saya bagi pihak diri saya sendiri adalah mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran di atas mengambil berat Kerajaan kita meluluskan estimate yang begitu besar kepada Kementerian ini dan saya harap pada tahun 1980 janganlah ada lagi perkara-perkara yang menggendalakan kemajuan-kemajuan di dalam Kementerian Pelajaran kerana sebagaimana yang kita tahu dan sebagaimana yang telah berlaku di tahun-tahun yang lepas walaupun peruntukan itu banyak diberi kepada Kementerian Pelajaran tetapi projek-projek yang dijalankan itu banyak sangat yang tergendala. Maka kalau sekiranya

projek-projek ini tergendala ini bukan sahaja merugikan rakyat jelata tetapi ini adalah membawa keaiban dan malu bagaimana kita tidak dapat mengendali negara Malaysia yang tidak begitu besar di dalam projek-projeknya. Pada hal sebagaimana yang kita lihat Kementerian Pelajaran sanggup membawa guru-guru daripada England kerana mengajar bahasa Inggeris dan memberi gaji kepada mereka untuk tidak lain dan tidak bukan hanya kerana hendak menjayakan bahasa Inggeris.

Berhubung dengan bangunan-bangunan sekolah, banyak sangat bangunan-bangunan ini tergendala lebih-lebih lagi di luar-luar bandar. Saya baru-baru ini dapat menghadiri beberapa perbincangan di peringkat Jawatankuasa Kerjaraya di negeri Trengganu. Maka saya dapati banyak sekolah-sekolah yang diberi kontrak itu tidak dapat disempurnakan menurut janji. Ada yang dilanjutkan tempohnya sampai enam bulan, sampai setahun dan sampai dua tahun. Kalau sekiranya sekolah-sekolah yang akan menjadi tempat pelajaran bagi anak-anak kita juga tergendala itu perkara yang tidak boleh dimaafkan. Saya berharap pihak Kementerian Pelajaran pada masa yang akan datang iaitu mulai daripada tahun 1980 yang di dalam tahun Hijrah yang dikatakan menjelang abad kelima belas maka perkara-perkara yang tidak menguntungkan kita pada zaman yang silam, pada masa yang lampau hendaklah kita lupakan dan hendaklah kita hentikan. Kita mesti menyinsing lengan memulakan langkah kita yang baru di dalam tahun 1980 demi kepentingan negara kita dan kepentingan anak-anak kita, anak-anak Malaysia. Janganlah kita mengatakan anak-anak kita itu tidak dapat membaca, tidak dapat menulis lantaran ia ialah dengan sebab tidak cukup kelengkapan, tidak cukup pengajaran, tidak cukup guru dan sebagainya. Perkara seumpama ini saya harap tidak patut berlaku lagi, tidak patut dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini supaya didengarkan sebagai cerita yang bersiri-siri yang tidak akan habis sebagaimana cerita 1001 malam itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya walau macam manapun memuji Jabatan Pelajaran dengan sebab langkah-langkahnya yang konkrit dan juga hemahnya yang begitu tinggi lebih-lebih lagi di dalam kebajikan pelajar-pelajar sekolah. \$17 juta diuntukan untuk bantuan buku-buku teks percuma, \$60 juta ialah

untuk biasiswa, \$23 juta untuk pembinaan asrama baru dan \$20 juta daripadanya diperuntukkan bagi bantuan rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) di sekolah-sekolah. Ini bukan perkara yang kecil. Ini adalah satu perkara yang bagus yang patut diteruskan dengan seboleh-bolehnya. Anak-anak orang di luar bandar telah mendapat peruntukan \$20 juta misalnya dalam bahagian pemakanan sudah tentu menolong mereka dan begitu juga berkenaan dengan bantuan buku-buku teks.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran iaitu mulai tahun 1980 dasar pelajaran agama dan pelajaran akhlak atau moral akan dijadikan mata pelajaran wajib di dalam peperiksaan. Pelajaran agama Islam telahpun dicatit semenjak belum merdeka lagi, di dalam Penyata Razak, iaitu mesti diberi kepada anak-anak Islam, kalau ada di dalam sekolah itu 16 orang dan dasar ini telah berjalan sampai sekarang. Jadi kehadiran anak-anak Islam di dalam pelajaran agama Islam adalah perkara yang wajib (compulsory). Tetapi sayangnya suara-suara yang kita dengar dari masa ke semasa daripada tahun 1956 sampai 1979, pelajaran ini dipelajari di sekolah-sekolah mengenai agama Islam itu hanya dipelajari semata-mata, tidak dimasukkan ke dalam kategori mata-pelajaran yang akan diperiksa. Dengan sebab itu kita dapati banyak anak-anak kita orang Melayu yang mempelajari agama itu, belajar sambil lewa sahaja dengan sebab dia tahu pelajaran ini tidak masuk di dalam peperiksaan. Tetapi sekarang ini boleh jadi dengan sebab desakan yang bertali-talu, boleh jadi dengan sebab semangat keinsafan masa yang begitu lama, maka pihak Kementerian Pelajaran sudah sedar, sudah insaf masanya sudah sampai matapelajaran agama Islam yang diajar di sekolah-sekolah itu hendaklah dimasukkan dalam matapelajaran peperiksaan bersekali dengan matapelajaran akhlak ataupun moral. Saya ucapkan terima kasih, tahniah dan syabas di atas langkahnya walaupun sudah terlambat tetapi tidak begitu terlambat.

Satu lagi langkahnya yang bagus ialah mengambil berat berkenaan dengan tulisan jawi. Kepada orang-orang Trengganu mengambil berat itu ada istilahnya katanya mengambil "cakna". Jadi selama ini pihak Kementerian tidak mengambil "cakna" iaitu tidak mengambil berat tentang tulisan jawi. Maka alhamdulillah saya ucapkan tahniah

kepada Kementerian Pelajaran di atas langkah tegasnya menghidupkan semula tulisan Jawi. Tetapi menurut Pengarah Pelajaran pula buku-buku teks berkenaan dengan matapelajaran Islam itu hanya akan digunakan Jawi dengan jalan berperingkat-peringkat. Tahun 1980 bagi tingkatan satu, tahun 1981 bagi tingkatan dua, tahun 1982 bagi tingkatan tiga, begitulah seterusnya. Jadi seolah-olahnya mempelajari tulisan Jawi ini adalah satu perkara yang sangat sukar, satu perkara yang sangat berat pada pendapat Kementerian Pelajaran. Ini adalah berlawanan dengan pendapat saya sendiri. Tulisan Jawi bukanlah satu pelajaran yang berat, hanya boleh dipelajari dalam masa dua bulan, tiga bulan, sehabis lama enam bulan. Kalau sekiranya ada orang Melayu tidak boleh belajar tulisan Jawi dalam masa enam bulan, saya fikir dia sendiri pun berasa malu hendak mengaitkan dirinya dengan orang Melayu. Memang boleh, memang senang, cuma adakah ia mempunyai hajat yang bersungguh-sungguh ataupun tidak. Apalah ertinya buku pelajaran teks agama ini mulai tahun 1980 bagi tingkatan satu sahaja, kemudian setahun lagi tingkatan dua. Ini kepada saya tidak kena. Begitu juga dengan adanya buku-buku pelajaran agama ditulis di dalam tulisan Jawi, saya sudah nampak perkara ini akan memberatkan guru-guru agama pula.

Di dalam Jadual Pelajaran, pembahagian pelajaran itu, pelajar agama Islam diberi hanya 120 minit sahaja seminggu. Jadi pecahan pelajaran agama Islam yang 120 minit ini terbahagi empat perkara iaitulah pelajaran fekahnya, pelajaran tauhidnya, pelajaran Al-Qurannya, dan sejarah—120 minit. Kalau sekiranya buku-buku tulisan Jawi ini hendak diserahkan pula kepada guru-guru agama mengajarnya akan keciwalah lagi pelajar-pelajar yang saya sebutkan tadi. Sebab itulah semolek-moleknya pelajaran tulisan Jawi ini hendaklah diletakkan dan dipertanggungjawabkan ke atas guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu. Inilah yang semolek-moleknya. Janganlah mereka itu lari daripada tugasnya.

Dalam masa mereka mengajar bahasa, mereka juga mengajar tulisan Jawi. Senang sangat, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kita baca dalam suratkhobar orang-orang yang bukan Melayu, anak-anak mereka yang berumur 7 tahun sudah boleh menulis Jawi.

Berbangga mereka itu membaca Jawi. Tetapi anak-anak Bumiputra, orang Melayu umur 12 tahun masih lagi belum boleh menulis. Ada orang yang habis di dalam sekolah rendah, belajar enam tahun tidak boleh membaca dan tidak boleh menulis. Bukan tidak boleh membaca dan tidak boleh menulis Jawi sahaja, tetapi tidak boleh membaca dan menulis Rumi. Apa nama ini, apa hal jadi begini? Inilah yang saya tidak faham. Sebab itu pada pendapat saya paksa guru-guru yang mengajar itu. Cara mana paksa? Mereka yang tidak pandai berilah kursus. Kerajaan ada kemampuan. Kerajaan ada duit, berilah kursus kepada guru-guru yang tidak tahu Jawi, beri tempoh enam bulan hingga setahun kepada dia supaya dia dapat belajar semata-mata tulisan Jawi.

Kalau ada di antara cikgu-cikgu itu yang tidak dapat hendak mengikut tulisan Jawi dalam tempoh masa enam bulan ataupun setahun, pada pendapat saya mereka itu tidak layak menjadi cikgu. Apa sebab mereka tidak boleh tulis Jawi? Kalau sekiranya selepas berkursus tidak boleh tulis Jawi juga molek tahan kenaikan gaji mereka, sehingga mereka itu boleh menulis Jawi baru dinaikkan balik. Pada pendapat saya itulah yang lebih praktiknya.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, manakala Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pergi ke luar negeri, maka dia telah tersua dengan pelajar-pelajar kita yang di luar negeri mengecam Dasar Ekonomi Baru dan perkara ini telah menjadi berlanjutan sehingga perkara ini telah menjadi satu perbualan dan perbahasan melarat ke merata-rata. Ini satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak sungguh malang bagi Malaysia, rakyat-rakyatnya, khasnya pelajar-pelajar yang menuntut ilmu di luar negeri dengan perbelanjaan wang negara, tiba-tiba dilepaskan mereka itu pergi dengan sesuka hati mereka dengan tidak diberi satu garis panduan di luar negeri dan tidak diberi faham kepada mereka bagaimana hendak menjadi seorang rakyat yang bagus terhadap tanahairnya sehinggakan dasar Kerajaannya ia tidak faham. Dasar Ekonomi Baru negara ini juga ia tidak faham. Dan timbullah fikiran-fikiran supaya kita membanayakan atase-atase kita di luar negeri untuk memberi faham kepada mereka. Ini saya fikir ialah kalau dibuat bagus juga, tetapi sudah terlambat.

Kita menghantar penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar kita ke luar negeri bukan ratusan bahkan ribuan tiap-tiap tahun. Tetapi yang saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, apakala Kerajaan menerima pegawai-pegawai baru dan diberi kerja di jabatan-jabatan, maka ditugaskan kepada pihak INTAN memberi kursus kepada pegawai-pegawai ini supaya mereka itu faham kewajipan-kewajipannya. Kenapa pada masa pelajar-pelajar kita yang beribu meninggal negara ini tidak diberi tugas kepada INTAN ataupun kepada badan-badan yang seumpama INTAN memberi kursus betul-betul kepada pelajar-pelajar ini, sebulan, dua bulan supaya mereka ini faham apakah tujuan, apakah Dasar Kerajaan kita. Apakah Dasar Ekonomi Baru ini. Apakala mereka itu sudah belajar di luar negeri apa fasal pihak Kementerian Luar Negeri berlepas tangan.

Kementerian Luar Negeri tidak boleh lepas tangan dan mestilah selalu mendapatkan laporan daripada pelajar-pelajar ini kerana mereka itu belajar dengan wang negara. Mereka itu mesti faham tujuan-tujuan negara dan mereka itu mesti kembali dan berkhidmat kepada negara. Bukannya mereka itu belajar kerana hendak mengambil menafaat bagi dirinya dan mereka itu boleh bertindak dengan sesuka hati, tidak boleh! Saya fikir itu satu kesilapan.

Kesilapan ini patut diperbetulkan iaitu adalah menjadi tugas kepada Kerajaan kita, tugas kepada Kementerian Pelajaran supaya pelajar-pelajar yang hendak meninggalkan Malaysia kerana belajar di luar negeri khususnya dengan wang biasiswa Kerajaan supaya mereka itu diberi kursus terlebih dahulu menerusi INTAN dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah bahasa. Masalah bahasa ini saya menyentuh bukan mengenai Kementerian Pelajaran sangat, tetapi walau bagaimana sekalipun tidak terlepas daripada ini juga.

Perkara ini telah menjadi begitu hangat diperbincangkan apakala Ketua Hakim kita telah mengeluarkan pendapatnya, bukan sebagai seorang Hakim, tetapi sebagai pendapat peribadinya. Jadi masalah bahasa ini saya nampak pada masa-masa yang akhir ini telah banyak diperbincangkan orang, maktumlah perkara ini perkara besar dan perkara ini perkara sensitif. Jadi kalau ada

pihak-pihak yang menyatakan tidak patutlah kita dengan tergesa-gesa menggunakan bahasa di dalam pentadbiran negara, di dalam pentadbiran mahkamah dan sebagainya, maka ada pihak yang menyatakan mesti. Maka pihak diri saya sendiri, di dalam Dewan yang mulia ini, saya menyuarakan pendapat saya, bukan kali ini, saya sudahpun beberapa kali di dalam Dewan yang mula ini menyatakan Bahasa Malaysia patut digunakan di dalam keseluruhan pentadbiran negara termasuk mahkamah.

Saya sudah beri hujah dari dulu lagi. Kalau hendak ditunggukan Bahasa Malaysia ini diistilahkan 100% dan dibuat kamus yang cukup (complete), maka saya fikir perkara ini perkara mustahil! Tidak ada di dalam dunia sekalipun satu bahasa yang cukup complete baru boleh digunakan.

Bahasa kita, Alhamdulillah, satu bahasa yang hidup. Bahasa Malaysia, Indonesia dan bahasa Melayu ini hidup digunakan oleh penduduk-penduduk kepulauan Melayu yang berjumlah hampir 200 juta orang. Kalau kita kekurangan bahasa-bahasa itu, kita boleh buat istilah di dalam ejaan dengan Indonesia dan kita juga boleh membuat istilah di dalam perkara-perkara pentadbiran dan hukum.

Apa fasal kita hendak tunggu begitu lama. Di dalam bahagian teknik kita boleh gunakan bahasa-bahasa yang kita pinjam itu, misalnya, tayar, walaupun orang putih kata tyre, kita kata tayar. Kemudian di dalamnya kita kata tiub. Tidak ada seorang pun hendak terjemahkan lagi mengatakan tyre itu kulit luar misalnya, dan tiub itu kulit dalam, tidak ada, melainkan apakala sebut budak kecil pun kata tiub, ada yang sudah faham seperti tayar motokar ambil begitu sahaja. Jadi, saya tidak fahamlah kerana hendak tunggu lagi bahasa ini, sampai bila hingga complete, hingga cukup, baharu hendak digunakan. Ini saya tidak dapat menerimanya.

Di dalam mahkamah-mahkamah, kita boleh melihat sendiri. Masa sebelum Perang Dunia Kedua sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8-12-1940, Tuan Yang di-Pertua, mahkamah-mahkamah di negeri-negeri Unfederated Malay States iaitu Johor, Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis adalah menggunakan Bahasa Malaysia—menggunakan bahasa Melayu di mahkamah-mahkamah. Tidak timbul pada masa itu, dengan sebab menggunakan bahasa Melayu

maka tidak ada keadilan, ini tidak timbul langsung, bahkan saya menegaskan di sini bagi negeri Trengganu, Hakim Besarnya menulis Jawi dalam bukunya.

Dalam perbicaraan, Hakim Besar Trengganu bukan sahaja menggunakan Bahasa Malaysia tetapi di dalam bukunya menulis Jawi walaupun seorang Hakim Inggeris, menulis Inggeris, dia tetap menulis Jawi. Maka dengan sebab dia menulis Jawi dengan bahasa Melayu itu tidaklah hilang keadilan dan dia boleh merekodkan apa-apa juga perbicaraan itu sama ada memakai undang-undang Inggeris, sama ada memakai undang-undang India dan sebagainya, maka dia boleh tulis. Tidak faham terjemah pada bahasa Melayu boleh berjalan bagus. Berapa banyak orang yang terkena hukum bunuh, orang yang sabit kesalahan bunuh dibunuh dengan ditulis Jawi tadi, orang yang lepas dilepaskan menjalankan keadilan.

Sekarang baharu kita hendak sebok-sebokkan tidak adil dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya menyokonglah, apa tindakan yang dibuat sekarang ini seumpamanya baharu dua hari ini keputusan di dalam Konvensyen Pendidikan Keempat yang berlangsung di Kuantan mengambil keputusan memohon kepada Kerajaan mewujudkan segera sebuah Suruhanjaya Di Raja Bahasa untuk mengkaji segala aspek Bahasa Malaysia. Itu saya fikir sangat wajar dan bagus.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sebagaimana biasa kembali kepada pembangunan kampung. Saya walau macam manapun di dalam tiap-tiap kali perbahasan Belanjawan seumpama ini, saya teringat benar ke kampung-kampung, kerana saya boleh dikatakan besar di kampung dan saya bekerja di kampung, saya tahu hal kampung-kampung. Maka yang pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang pada saat-saat yang akhir ini telah memberi tumpuan besar kepada pembangunan kampung. Sekarang disediakan \$100 juta wang kerana pembangunan kampung. Wang ini diberi kepada negeri-negeri untuk memberi sumbangan di mana kampung-kampung yang di luar bandar itu, kalau ada rumah-rumah condong, kalau ada atapnya bocor, kalau ada tiangnya itu hendak roboh dan sebagainya, maka boleh diberi bantuan supaya menegakkan balik rumah-rumah itu. Dengan yang demikian, Kerajaan berharap dengan sumbangannya ini lepaslah taksiran-

nya dan orang-orang kampung itu berterima kasih kepada Kerajaan. Ini adalah satu langkah yang baik dan saya sambut dengan menjunjung tinggi.

Tetapi saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, langkah yang molek seumpama ini takut tidak sampai ke mana-mana. Apakala \$100 juta diberi kepada 13 buah negeri di Semenanjung Malaysia, dicampurkan lagi Sabah dan Sarawak, maka akhirnya negeri itu berebut-rebut hendak mendapatkan wang itu dan masing-masing akan membuat liputan, membuat laporan kepada Kerajaan Persekutuan bagaimana mustahaknya wang-wang itu digunakan pada tempat masing-masing.

Kepada sayalah, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama memikirkan kalau sekiranya kampung-kampung baru itu diletak pada satu Kementerian, maka apalah salahnya kampung-kampung di Malaysia ini diadakan satu Kementerian pula, namanya Kementerian Perkampungan. Kita tahu, menurut report ada 4,024 buah kampung di luar kawasan bandar di seluruh Semenanjung Malaysia dan menurut banciaan hanya 2% sahaja yang boleh dikatakan maju manakala 98% masih lagi di dalam keadaan yang serba kekurangan. Orang Trengganu kata: "ambil nak sangat"—itu saya gunakan bahasa Trengganu. Macam mana 4,024 buah kampung 2% sahaja maju, 98% tidak maju. Kampung ini berselerak di dalam 13 buah negeri ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itulah saya tidak nampak kalau sekiranya wang ini—boleh jadi pada masa yang akan datang Kerajaan akan menambah lagi daripada \$100 juta menjadi \$200 juta, \$300 juta, \$400 juta—tetapi sebagaimana kata pepatah Melayu: pelabur habis Pelembang tak jatuh, bukan pelabur yang menembak peluru untuk menyerang Pelembang itu sudah habis tetapi Pelembang masih tidak jatuh juga, wang \$100 juta habis tetapi kampung kita bagaimana biasa juga. Itu saya bimbang. Tetapi kalau ada satu Kementerian khas mentadbirkan daripada Federal ini dia minta daripada Kerajaan Negeri, minta daripada D.O. atau Pegawai Daerah itu di mana kampungnya patut kita bantu dan dia sendiri melawat, Menteri yang rajin itu akan pergi di sana, pergi di sini apakala tersiar sahaja dalam suratkhbar misalnya di kampung di Ulu Perak, kalau hendak pergi ke kampung ini jambatannya retak

hendak jatuh ataupun benda ini berlaku di Ulu Kelantan atau Ulu Trengganu maka dia pergi lekas-lekas membaiki dahulu. Begitu juga rumah-rumah janda dan sebagainya yang tidak ada siapa yang mengawasinya boleh diberi bantuan.

Adapun dengan cara sekarang ini maka pihak D.O. itu berlumba-lumba membuat report, ada yang mengatakan di bawah ke D.O.an saya ataupun di daerah saya ada 25 buah kampung, maka saya berhajat hendak majukan kampung ini dengan perbelanjaan begini-begini. Terima pula daripada Pahang, terima pula daripada Negeri Sembilan, jadi pening pula kepala akhirnya dibuat allocation berikan kepada ini \$100,000, berikan untuk ini \$200,000 dan yang ini \$50,000 dibelanjakan dengan ikut suka D.O. dengan nasihat daripada Jawatankuasa Kemajuan Kampungnya. Saya tidak tahulah baharu-baharu ini Menteri Besar Perak sudah memrintahkan supaya membubarkan Jawatankuasa itu. Katanya Jawatankuasa-jawatankuasa yang ada itu tidak memberi kesan dan telah dilantik dengan tidak matang katanya, maka dengan sebab itu hendak dibuat lain. Ini kata Menteri Besar Perak, kalau tidak salah saya begitulah. Kalau berlaku di Perak begitu juga berlaku di Negeri Sembilan, begitu juga berlaku di Johor, di Trengganu. Jadi itulah saya merayu kalau Kerajaan benar-benar mahu membantu kampung-kampung ini mahulah adakan satu Kementerian namanya Kementerian Perkampungan. Itu pada pendapat saya.

Satu lagi saya hendak sentuh ialah dalam masalah agama. Dalam masalah agama ini sebagaimana semua kita tahu dan kita dengar daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah masalah berhubung dengan negeri kerana di dalam Perlembagaan Malaysia di dalam Jadual Kesembilan dibuat dua senarai yang mengandungi kuasa-kuasa Negeri berhubung dengan agama, satu senarai lagi berhubung dengan Persekutuan. Jadi, dengan sebab adanya senarai yang berhubung dengan Negeri ini, maka tidak bolehlah diadakan Kementerian Agama; dari dahulu tidak boleh. Kalau diadakan Kementerian Agama, ini boleh menyentuh kedaulatan Raja-raja kita yang menjadi ketua agama di dalam negeri masing-masing.

Saya pun faham begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang saya hendak bercakap ini betullah hak yang berhubung dengan senarai negeri itu tidak bolehlah dicampur, kalau dicampur itu menyentuh kedaulatan Raja-raja tetapi apa hak senarai Persekutuan itu. Senarai Persekutuan banyak, perkara-perkara yang berhubung dengan agama, seumpamanya perkara membuat perhubungan dengan luar negeri. Maka kita sudah tahu perhubungan luar negeri tidak boleh dicampur oleh negeri-negeri, ini perkara Persekutuan. Dalam perkara agama apa katanya, baru-baru ini timbul masalah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, timbul masalah di Selangor ini sendiri, Pengarah Jabatan Agama Selangor menarik balik sijil yang diberi kepada kilang-kilang yang mengatakan "halal" oleh Pejabat Pengarah Jabatan Agama Selangor. Oleh kerana pada masa dahulu Kuala Lumpur ini terletak di dalam negeri Selangor maka semenjak tahun 1960 lagi dia sudah mengeluarkan berpuluh-puluh sijilnya kepada kilang-kilang yang meminta, iaitu seumpama Ajino-moto. Dia hendak mengeluarkan fatwa bahawa Ajino-moto ini halal kerana Ajino-moto minta daripada Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor pun beri, diakui Ajino-moto halal. Mentega, begitu juga sudah dikeluarkan fatwa, tetapi baru-baru ini Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sudah tarik balik sijil yang diberi itu.

Apakala orang bertanya kepadanya, fasal apa ditarik balik, dia kata, sebenarnya kita tak ada kuasa, Jabatan Agama Islam Selangor tak ada kuasa hendak pergi menyiasat, hendak membuat pemeriksaan mengejut ke kilang-kilang itu kerana kilang-kilang ini terletak di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jadi orang-orang daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sahajalah yang berkuasa boleh menyerbu, boleh memeriksa, boleh menyiasat perkara-perkara tersebut. Jadi macam mana? Ini perkara dalam negeri, Kalau Jabatan Agama Islam tidak ada kuasa, dalam negeri kita ini berapa orang Islam yang makan perkara-perkara ini. Apakala ditarik balik sijil itu orang sudah berasa musykil adakah Ajino-moto ini halal atau haram, tak tahu, siapa hendak beri? Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak ada pegawai-pegawai penguatkuasanya, tidak ada orang yang expert dalam hal

ehwal ugama Islam, tidak ada Mufti Ugama, tidak ada Kadi Ugama dan sebagainya, yang ada orang Islam biasa sahaja. Orang Islam pun belum tentu dia faham ugama Islam atau tidak. Jangan sekali-kali menyangka tiap-tiap orang Melayu yang beragama Islam itu faham ugama—tidak, banyak tak faham. Jadi kalau orang ini hendak menyerbu takdirnya, bolehkah dia beri hukum tentang halal haram.

Kalau ada Kementerian Ugama kita di Malaysia ini rujukkan sahaja kepada Kementerian Ugama dan Kementerian Ugama boleh berunding dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan sebagainya. Jadi banyak perkara-perkara yang berhubung dengan ugama, misalnya dalam negeri ini saya buat contoh, saya merayu sahaja, ini pendapat saya dan boleh dikatakan telah terlambat sangat, orang dahulu sudah menyuarakan. Walaupun terlambat saya hendak menyuarakan juga supaya lepas taksir saya. Sebagaimana yang saya katakan tadi perkara ugama ini ada hak negeri, ada hak Persekutuan, kalau sekiranya ada Menteri Ugama tidak usahlah dia ganggu hak negeri, dia ganggu hak Persekutuan sahaja, kerana dalam perkara hak negeri itu dia hanya memberi nasihat, kalau hendak terima—terima, kalau tak terima—sudah.

Sebagaimana di dalam negeri-negeri sekarang ini, misalnya dengan adanya pilihanraya di seluruh Malaysia maka Kerajaan yang memerintah negeri-negeri itu ialah Kerajaan hasil daripada pilihanraya itu, maka terlantiklah, terbentuklah Dewan Undangan Negeri, terbentuklah Exco Negeri, Kerajaan Negeri. Apakala terbentuknya ini macam-mana? Boleh jadi orang-orang yang terlantik itu orang-orang yang tidak tahu undang-undang, boleh jadi orang-orang di dalam kumpulan itu tidak tahu berkenaan kewangan, sebab itu tiga orang dilantik dengan automatik sebagai ex-officio atas jawatannya; Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri (Legal Adviser), Pegawai Kewangan Negeri. Tiga orang ini dengan automatik menjadi Ahli Exco Negeri, boleh bercakap memakai "Yang Berhormat" tetapi kuasanya tidak boleh mengundi, dia boleh beri pandangan (view) sahaja. Maka begitu jugalah kalau kita ada Menteri Ugama, kalau tak salah dia berkuasa di dalam senarai Persekutuan yang ada itu, buat perhubungan dengan luar

negeri, perhubungan perdagangan dan sebagainya. Adapun berkenaan negeri itu dia bercakap sahaja dengan kuasa tak boleh mengundi, dia tidaklah sampai menyentuh kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Rajaraja Melayu. Kepada saya ini lebih baik daripada keadaan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam kita sebagaimana yang ada sekarang iaitu Kerajaan Persekutuan menubuhkan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam yang dianggotai oleh Ketua-ketua Majlis Ugama Islam Negeri-negeri sebagaimana yang ada sekarang.

Kemudian di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini ada pula suara mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Badan Penasihat Ugama Pusat di peringkat Negara. Oleh kerana suara ini timbul beranilah saya menyuarakan. Daripada menubuhkan sebuah Badan Penasihat Ugama Pusat di peringkat Negara lebih baiklah tubuhkan Kementerian langsung, iaitu Kementerian Ugama yang berkuasa mengikut Perlembagaan di atas senarai-senarai yang mengenai Persekutuan sahaja dan memberi nasihat di dalam perkara negeri.

Begitu juga berkenaan dengan satu perkara yang menggelikan hati iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam ditubuhkan pada tahun 1970. Tujuannya untuk mengumpulkan \$10 juta menjelang tahun 1980 untuk menjadi asas, wang inilah akan menolongkan ekonomi orang Islam. Tetapi tahun 1980 tak sampai setengah bulan lagi hendak menjelangnya, maka wang itu tak usah hendak \$10 juta, tak sampai \$1 juta yang terkumpul, \$842,000 sahaja yang terkumpul fasal Jawatankuasanya mengandungi seorang daripada negeri Trengganu, seorang daripada negeri Perak, seorang daripada negeri Selangor misalnya, orang inilah mentadbir dengan separuh masa, bukan dengan sepenuh masa, bagaimana perkara yang besar seumpama ini boleh jadi begitu. Itu satu perkara.

Saya hendak bercakap banyak perkara, tetapi Tuan Yang di-Pertua tengok jam, jadi saya pun bimbang juga. Kelmarin Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik boleh bercakap panjang, saya harap beri saya masa panjang, banyak benda saya hendak bercakap kalau dibenarkan, kalau tak dibenarkan tak apalah. Hal negeri saya pun saya belum bercakap lagi. Saya takut tak sempat, Tuan Yang di-Pertua tahan saya, saya

hendak bercakap hal negeri saya dahulu, hak yang lain itu biarlah, kalau ada masa saya bercakap lagi.

Saya berasa susah hati benar terhadap negeri Trengganu. Sebagaimana yang saya selalu bersuara di sini sudah nasib bagi negeri ini rancangan-rancangan kemajuan yang hendak dibuat itu selalu tergendala, selalu dilambat-lambatkan. Dahulu sebelum daripada Lebuhraya Timur-Barat dibuat daripada Perak ke Kelantan memang hendak dibuat di negeri Trengganu dahulu. Allahyarham Tun Abdul Razak pada masa itu pergi ke Ulu Trengganu sudah meletakkan batu asas kerana jalan lebuhraya hendak dibuat daripada Ulu Trengganu (Kuala Berang) dan terus ke Gerik, Perak, tetapi entah macam-mana tergendala, tak jadi sampai ke hari ini, yang timbulnya daripada sana ke Kelantan. Tidak mengapalah orang Trengganu kata, kalau tidak buat tidak mengapa, mereka boleh datang ke sini. Tetapi masalah-masalah yang lain seumpama padang kapalterbang yang hendak dibuat pada masa Allahyarham Datuk Haji Wan Abdul Kadir. Datuk Haji Wan Abdul Kadir pada masa itu menjadi Timbalan Menteri Perhubungan. Beliau telah membuat satu projek dan Kerajaan Federal telah bersetuju hendak membuatkan satu terminal airport di Telaga Batin berharga \$1.7 juta, lebih kurang lima tahun dahulu dan mengikut jadualnya projek ini akan siap pada bulan April, 1980. Tetapi baru-baru ini, sebelum saya hendak bercakap di sini, saya cuba lalu di tempat itu takut jadi silap, macam-mana?

Saya nampak tidak ada apa-apa satu pun di situ. Kerja-kerja yang ada itu cuma piling tanah sahaja dan tidak sampai 10% dijalankan. Maka pada pendapat saya mustahil pada bulan April yang akan datang ini—Januari, Februari, Mac, April—empat bulan lagi terminal lapangan terbang itu boleh siap. Ini satu perkara yang mustahil. Saya tidak tahulah, boleh jadi Menteri Besar orang-orang Trengganu barangkali lembut orangnya. Dia tidak sergah maka perkara ini telah jadi seumpama ini.

Begitu juga landasan kapalterbang. Memang dicadangkan lapangan terbang Kuala Trengganu itu untuk menerima kapalterbang Boeing 737 tetapi kalau terminal airportnya tidak siap lagi bagaimana hendak buat landasan kapalterbang. Tanah-tanah orang semuanya sudah diambil. Petani-petani

yang menanam padi di situ Kerajaan telah ambil tanahnya, bayar wang tetapi tergendala. Berapa kita rugi? Kalau sekiranya Kerajaan tidak ambil tanah mereka, berapa banyak hasil padi boleh dikeluarkan. Tetapi Kerajaan ambil tanah itu begitu sahaja, tidak ada satu usaha pun. Terminal inipun tergendala, landasan kapalterbang jauh panggang dari api.

Di Kuala Trengganu ada satu kawasan namanya Kubang Badak. Kerajaan Trengganu mahu supaya kilang-kilang/fakteri didirikan di situ dan diberi kemudahan-kemudahan. Maka pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah bersetuju hendak mendirikan sebuah Pusat Latihan Perusahaan Trengganu di situ. Tujuannya ialah supaya melatih belia-belie yang tidak ada kerja itu supaya menjadi pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir. Maka begitu juga daripada dahulu sampai sekarang kalau kita pergi ke kawasan yang hendak didirikan itu tidak ada apa-apa di situ. Cuma kalau kita buka didalam bukunya barulah kita dapati projek itu dan projek itu ialah Pusat Latihan Perusahaan Trengganu, tetapi apakala kita pergi ke tempat yang kita katakan itu tidak ada apa di situ, yang ada hanya rak-rak ataupun cerucuk sahaja. Bagaimana kita hendak menarik pelabur-pelabur dari luar. Itulah yang saya hairan apabila Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita pergi ke luar negeri beliau membawa rombongan pergi menjemput pelabur-pelabur dari luar datang ke Malaysia, bumi yang subur, bumi yang cukup kemudahan-kemudahan asasnya. Dia balik, betul ada saudagar yang datang.

Selepas daripada itu ada pula rombongan Menteri-menteri Besar pergi menjemput, bersaing dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Sudah tentulah berlaku pujuk memujuk kepada saudagar-saudagar yang hendak datang. Misalnya kalau Menteri Besar Trengganu yang pergi, dia tetap memuji hal Trengganu. Tetapi Menteri Besar Trengganu tidak pernah pergi, Menteri Besar lain yang pergi. Maka orang pun pergi ke negeri Trengganu. Apabila sampai giliran Trengganu bagaimana orang hendak datang ke Trengganu? Ada lapangan terbang hanya kapalterbang biasa yang boleh singgah. kapalterbang besar tidak boleh, pelabuhannya juga tidak ada, pekerja-pekerja mahirnya juga tidak ada. Tidakkah ini menjadi satu aniaya kepada negeri Trengganu? Apa

halnya ini? Projeknya ada, tetapi projek itu ditidurkan di dalam fail sahaja, rancangan ada tetapi rancangan itu berterbangan di udara sahaja. Inilah yang saya bercakap di sini menyuarakan bagi pihak negeri Trengganu sebab hal negeri Trengganu.

Begitu juga negeri Trengganu ini banyak sungai-sungainya. Sungai-sungai itu sebagai mana kata pepatah Melayu: Sekali air bah sekali pasir berubah. Ini sudah menjadi adat. Sungai Trengganu ini patut digali daripada Besut sampai ke Setiu, sampai ke Kuala Trengganu, sampai ke Marang, Dungun dan sampai ke Kemaman patut digali oleh DID, tetapi tidak ada rancangan, dibiarkan begitu sahaja. Sungai yang dalam itu menjadi tohor, akhirnya kapal-kapal tidak boleh masuk. Apa hendak dibuat kepada negeri Trengganu?

Pada masa pilihanraya baru-baru ini Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita, Tengku Tan Sri Razaliagh Hamzah berkempen di Sungai Marang. Orang Marang berkata: Bolehkah Tengku, sungai Marang ini didalamkan dengan meletupkan dan medakkan batu yang ada di kuala itu? Maka dengan senang hati Tan Sri kita memberi jaminan: Boleh, tidak mengapa. Sekarang kita jauh tinggal ke belakang daripada pilihanraya, Barisan Nasional sudah memang dan kita memerintah negara ini. Orang di Marang minta: Mana janji itu? Entah! Menteri Besar negeri Trengganu pun barangkali mengatakan: Saya tidak tahu. Orang Trengganu minta pula kepada Kerajaan Federal: Mana janji itu? Maka saya bimbang janji-janji terkunci rapat di dalam laci, akhirnya tidak mengeluarkan telur ayam tetapi akan menelurkan anak-anak tikus, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan jalan-jalan ini, satu perkara yang saya berasa hairan. Bukan saya marah—tidak. Tiap-tiap kali dikatakan lebuhraya hendak dibuka saya memuji Allah s.w.t. bersyukur, Alhamdulillah, maknanya yang membukakan hati kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan kita sehingga rakyat mendapat kesenangan dan kemudahan. Tetapi yang saya musykil sekarang ini perebutan menafaat. Orang yang suaranya boleh didengari, orang yang cakupnya masin, barangkali dia boleh buat bermacam-macam projek. Kita dengar lebuhraya akan dibuat daripada Gua Musang sampai ke Kuala Lipis, memendekkan perjalanan di sana.

Kita dengar lebuhraya akan dibuat daripada Mersing sampai kepada macam-macam. Yang saya musykil, mengapa 13 buah Kerajaan di Malaysia ini termasuk Sarawak dan Sabah, semua sekali adalah Kerajaan Barisan Nasional, hendak buat projek-projek yang seperti ini tidak ada bincangkah, kerana ini akan menelan belanja beratus-ratus melion. Kalau hendak dibuatkan daripada sini ke sini, apa kata negeri lain. Biarlah ada mesyuarat, biar ada keputusan, baru dibuat, bukannya kita pergi berjumpa dengan Menteri Kewangan, minta satu peruntukan daripadanya \$100 melion, kita buat di sini. Takkan boleh jadi begitu. Kerajaan kita ini Kerajaan yang stabil dan bermutu. Pada pendapat saya kenalah buat begitu, janganlah hendak buat jalan-jalan kampung \$1 juta, \$2 juta itu—berilah, tak mengapa pergi tengah malam pun—berilah, Menteri Kewangan kita dia ada kuasa boleh lulus on the spot, beri terus—tak mengapa, tetapi peruntukan beratus-ratus juta dan sebagainya, bagaimana, Tuan Yang di-Pertua.

Masalah yang saya ingin bangkitkan lagi berkenaan dengan keretapi, benda yang tak masuk pada akal. Di dalam Malaysia ini, Pantai Timur, boleh keretapi itu lalu daripada Pahang terus ke Kelantan, tinggalkan negeri Trengganu. Fasal apa? Fasal negeri Trengganu hutan dan sungainya banyak. Jadi tak bolehlah dibuat jalan keretapi. Baiklah kerana hutan. Jadi kalau kita bertanya pihak Keretapi, katanya tidak menguntungkan, kerana keretapi mahukan untung. Betul juga apa yang dikatakan itu, tetapi pada masa hendak dibuat di Kelantan dan Pahang dahulu, yang ada itu estet belakakah? semuanya hutan belaka. Apakala sudah ditebang hutan, barulah boleh dibuat bermacam-macam estet, maka daripada hasil estet itu dijadikan barang dagangan yang dibawa dengan keretapi.

Sekarang ini zaman pembangunan. Negeri Trengganu membuka rancangan KETENGAH (Trengganu Tengah), di Kelantan membuka KESEDAR (Kelantan Selatan), di Johor—KEJORA dan Pahang—DARA. Ini semua hutan belantara, tempat-tempat gajah tidur, semua sekali sudah diteroka oleh orang dan dibuatnya estet-estet. Ini pada pendapat saya, saya yang keluar daripada sekolah atap ini dan tidak keluar daripada universiti, saya tidak tahu, bagaimanakah rancangan orang-orang atas itu mereka tak nampakkah, kalau

sekiranya Pelabuhan Kuantan sudah dibuka, sudah dirancang, daripada estimate asal \$100 juta sampai ke \$250 juta, yakni yang akan menerima kapal-kapal yang besar, dagangan yang besar yang akan menjadikan Pelabuhan Kuantan itu satu pelabuhan yang besar, takkan keretapi tak lalu ke situ, dan di Trengganu pula telah dijumpai minyak, sekarang minyak itu hendak diangkut dengan apa? Macam mana perancangan tidak ada seumpama ini? Kenapa tidak dibuat rancangan? Sekarang ini tanah-tanah yang di hutan itu semua milik Kerajaan, kalau minta kepada Kerajaan Trengganu, ia akan beri free sahaja dengan tak ada sebarang bayaran kerana projek keretapi. Tetapi apakala KETENGAH sudah dibuka, estet-estet akan dibuka di situ dan berbagai projek kemajuan yang ada, masa itu tanah ini akan menjadi emas, Tuan Yang di-Pertua, bukan dikira dengan ekar lagi tetapi dikira dengan kaki persegi, akan dikenakan harga sebagaimana di Kuala Lumpur. Masa itu mampukah pihak Keretapi hendak bayar harga tanah? Inilah yang saya hairan.

Kalau tak hendak buat projek sekarang, ambillah dahulu tanah itu, apa salahnya, buat plan daripada Kelantan sampai menuju ke negeri Trengganu, sampai ke Pelabuhan Kuantan, terus ke Mentakab balik. Ini tanah akan kita gunakan, minta kepada Kerajaan Negeri, ataupun reservekan. Bukankah bagus begitu, tetapi kalau kita tanya di sini, tak ada rancangan.

Yang lebih hairan lagi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam projek-projek Kerajaan ini, saya sendiri kadang-kadang memikirkan macam mana orang atasan ini membuat kerja, buat kerja secara ekonomikah? Kalau kita hendak bangkang, dia kata, dia ahli ekonomis. Macam saya sendiri tidak ada hak, kerana saya bukan ahli ekonomis, tetapi saya memikirkan pada masa dahulu di kampung-kampung itu ada jalan-jalan, orang kampung berjalan kaki kerana basikal pun tak ada masa itu, mereka berjalan begitu sahaja, jadi mana yang mereka lalu itu semua tanah Kerajaan, mana yang kena atas jalan, orang kampung tak ambil, yang tak kena jalan itu, orang kampung ambil. Itulah sebabnya jalan yang mereka lalu itu, kalau kita tengok macam ular di sekeliling kampung.

Sekarang sudah ada basikal atau motosikal, kerana sekarang ini zaman kenderaan, motosikal, zaman van dan sebagainya. Jadi orang kampung sudah minta supaya jalan itu diperbaiki dan ditaruh tar. Sudah menjadi prinsip dan dasar Kerajaan negeri supaya memperbaiki jalan-jalan kampung itu. Apakala hendak dibaiki, patutlah pihak J.K.R. tengok balik jalan-jalan yang bengkok bengkok itu, perbetulkanlah balik, takkan boleh ikut macam dahulu. Kalau dahulu orang berjalan kaki, masa orang berjalan kaki itu tinggi sedikit daripada jalan biasa, ia tak mahu naik, ia kata tinggi, ia ikut bawah; sekarang di bawah itu pula sudah jadi alor, sudah jadi kolam dan sebagainya. Betulkanlah balik, tetapi tidak demikian.

Perkara ini, kata J.K.R. tugas Pejabat Tanah, kata Pejabat Tanah pula ini tugas J.K.R. Jadi begitulah jadinya. Akhirnya, kalau kita pergi di seluruh Malaysia, begitu-lah kita dapati jalan kampung itu, jalan yang zigzag ataupun jalan yang bengkok bengkok. Perbelanjaan sudah berapa banyak? Perbelanjaan kerana membuat jalan ini bagi negeri Trengganu sahaja tahun ini menelan belanja sebanyak \$13 juta kerana hendak perbetulkan jalan yang bengkok-bengkok itu, kerana hendak menyelamatkan masalah orang kampung maka hilang \$13 juta, dengan jalan bengkok bengkok itu. Apalah gunanya macam itu? Kalau di Trengganu \$13 juta, Kelantan barangkali \$20 juta dan Pahang \$20 juta lagi. Polisi apa ini? Inilah polisi yang tak cermat. Sepatutnya kalau hendak buat jalan itu, kalau hendak dikelaskan jalan tadi daripada kelas 4, hendak dijadikan kelas 2, kelas 3, betulkan balik, ambil tanah orang kampung itu, bayar harga dia tak apa, biarlah boleh selamat belanja kita pada masa akan datang. Inilah cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut berita yang saya baru baca dalam akhbar *Utusan Melayu* dalam ruangan pojok yang ditulis oleh Hantu Raya, saya percaya semua orang tahu Hantu Raya ini siapa dia. Dia menulis, katanya Kerajaan kita banyak membazirkan wang dengan jalan wrong planning. Jadi dia bawa misalan: wrong planning itu seumpama dua buah jambatan yang dibuat. Satu di Temerloh dan satu lagi di Jertih. Di Temerloh jambatan itu memakan belanja berjuta ringgit tetapi oleh kerana pakar yang membuat jambatan itu bukan daripada rakyat tempatan, barangkali orang daripada

Switzerland atau Australia, jadi mereka tidak tahu bagaimana keadaan Sungai Pahang itu, kayu balak sungai Pahang itu akan datang. Jadi dibuat begitu rupa sahaja, apakala sudah dibuat jambatan di Sungai Temerloh, datanglah kayu balak daripada Kampung Tok Kaya Semantan memukul jambatan itu, robohlah jambatan itu dan merugikan Kerajaan Pahang. Maka sebagai gantinya, Kerajaan Pahang buat pula satu jambatan di atas pula, dekat kawasan itu. Jadi yang sedia itu, siapa-siapa yang lalu akan dapat menengok: Inilah jambatan yang wrong planning, yang satu lagi jambatan yang good planning.

Di Besut begitu juga, di Sungai Besut sengaja dibuat jambatan itu rendah, mereka tak ukur. Sepatutnya dibuat kajian apakala air banjir ataupun bah, ia makan berapa kaki, tidak dibuat. Jadi apakala datang banjir, jambatan itu mula-mula sekali yang hapus, motokar tak boleh lalu, kalau motokar lalu, boleh terpelanting di dalam sungai. Akibatnya terpaksa jambatan good planning dibuat, iaitu jambatan baru di tepi sungai itu juga sebagaimana jambatan di Temerloh, tinggi dan besar, yang wrong planning itu ada di situlah. Jadi siapa yang lalu di atas jambatan good planning tadi, menengok kepada jambatan wrong planning tadi. Begitulah caranya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Ahli Yang Berhormat ringkaskan ucapan, ramai lagi orang hendak bercakap, sudah satu jam.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, Mengenai hal bas-bas pula. Saya terpaksa bercakap juga, bas di negeri kita ini sebenarnya tak cukup. Maka kalau kita datang ke Kuala Lumpur, macam saya dari Trengganu datang ke Kuala Lumpur, saya berasa lapang hati, sebab apa, kalau kita hendak menaiki teksi, teksi macam anak ayam, kita bayar mengikut meter—senang sahaja, hendak naik bas pun banyak, tetapi kalau macam di Kuala Trengganu, keadaannya teruk. Bas itu sudah monopoli. Jalan bas itu, ia sahaja boleh lalu. Bas lain tak boleh lalu, macam hak dia, macam harta dia sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Tak boleh lalu. Jadi macam-mana orang ramai terhalang, budak sekolah tidak boleh pergi ke sekolah orang kampung kena menunggu. Orang-orang yang ada teksi roda tiga, mengambil kesempatan

sebab bas tak ada, teksi pun kurang, dia kenakan tambang yang bukan-bukan—satu batu \$1 atau \$2. Rakyat jelata yang kena menjadi mangsa. Fasal apa jadi begini? Kerajaan kita hendak memelihara orang yang sedikit atau rakyat ramai? Kita mestilah memelihara rakyat ramai. Jadi kalau sekiranya kekurangan yang semacam ini, kenapa minibas tidak diperkenalkan ke bandar-bandar yang macam ini menjadikan town service bus supaya mereka senang. Kalau kita pergi ke Jakarta, misalnya, kita dapat semua beca-becanya berenjin belaka. Baru-baru ini saya pergi ke Jogjakarta, saya kata satu jam berapa? Katanya 400 rupiah, kita duduk di belakang round dengan enjin, Tuan Yang di-Pertua. \$1 wang kita bersamaan 300 rupiah, jadi \$1.25 sejam round bandar itu. Cuba kita naik beca di Trengganu, kalau kita round macam itu untuk satu jam, kita kena bayar sekurang-kurangnya \$7 atau \$8. Saya harap pihak Menteri Pengangkutan cubalah halus, tolong beri kebenaran bas-bas kecil ini supaya dapat round di bandar-bandar dan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya cukup hairan. Baru-baru ini saya membaca rencana pengarang *Utusan Melayu*, perkara yang sudah dimasukkan dalam rencana pengarang suratkhbar yang begitu terkenal tentulah perkara yang penting. Dia kata: "Seorang pembeli rumah baru telah membeli rumah dengan meminjam wang daripada sebuah syarikat kewangan sebanyak \$20,000 dan membayar kepada syarikat itu tiap-tiap bulan sebanyak \$200. Setelah rumah itu diduduki selama 4 tahun si pembeli memohon untuk menyelesaikan semua pinjaman, tetapi setelah dikira pembeli dikehendaki membayar kira-kira \$22,000. Apakala ditanya syarikat kewangan itu menyatakan bahawa hal ini adalah biasa dalam masa 5 tahun pembeli hanyalah membayar bunga dan selepas 5 tahun barulah pembeli membayar harga rumah yang sebenarnya." Jadi kalau benar berlaku seumpama ini, Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang saya fikir tak boleh dibiarkan dan Kerajaan tak boleh pejam mata kalau perkara ini terbit di dalam rencana pengarang *Utusan Melayu*. Adakah hutang \$20,000 daripada syarikat kerana membeli rumah, sudah bayar \$290 sebulan, 4 tahun maknanya \$9,600 apakala hendak dibuat selesai selepas 4 tahun ini dia kena bayar

\$22,000 lagi, jumlahnya \$31,000. Modalnya \$20,000, interestnya \$11,600. Kalau negeri lain baca perkara ini sangat sedih, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa pihak yang berkenaan diam begitu sahaja, lebih separuh, berapa ratus kali ganda ini. Jadi saya harap perkara-perkara yang seumpama ini tak usahlah berlaku lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi yang hendak saya cakapkan ialah berkenaan dengan hal pukut—Pukat Tunda, Pukat Cerut, ini mengenai negeri saya. Di dalam zaman kemajuan ini rekaan-rekaan banyak. Dahulu orang-orang di negeri Trengganu menangkap ikan dengan pukut yang dibuat sendiri, ada pukut di laut dan ada pukut di darat. Zaman sekarang tak ada lagi, yang ada timbul Pukat Cerut, Pukat Harimau. Pukat ini macam harimau menangkap sahaja. Ikan-ikan sampai ke anak ikan masuk dalam pukut itu. Bukan ayahnya sahaja, anak ikan, ayah ikan, ibu ikan, nenek ikan, cucu ikan, cicit ikan semuanya masuk dalam Pukat Cerut. Apa faedahnya apabila masuk semua sekali, maka ikan yang besar dijual di pasar-pasar, yang kecil dibuat baja diserahkan kepada yang buat baja. Orang yang di tepi pantai hendak menangkap ikan seumpama kita katakan Pukat Tarik langsung tak ada hari ini. Dahulu orang pergi tebar pukut di tepi pantai tarik ramai-ramai, naik ikan, sekarang ikan tak ada kerana dicerut oleh pukut tadi. Hal perikanan adalah di bawah Kementerian Pertanian dan saya tidak tahu macam mana boleh jadi begini. Di dalam menguatkan ekonomi nelayan-nelayan, janganlah sampai kita membazir anak ikan, cucu ikan dan cicit ikan ini pula. Kita mestilah simpan supaya dia jadi besar.

Kedua berkenaan dengan Pukat Tunda daripada Siam. Ini selalu datang mengganggu. Baru-baru ini pada 20-10-79, 200 orang nelayan di sekitar daerah Kuala Trengganu mengalami kerugian beribu-ribu ringgit kerana unjang-unjang mereka yang diletakkan di laut dimusnahkan oleh kira-kira 40 buah bot Pukat Tunda Thai yang sekarang menjalankan kegiatan mereka menangkap ikan di kawasan perairan di pantai negeri ini, terutamanya di waktu malam. Satu daripada cara menangkap ikan di Trengganu itu letak bubu dalam perairan itu. Kalau sekiranya orang-orang Thai dengan menggunakan bot-bot yang besar datang melanggar bubu-bubu dan memusnah-

kannya, apa yang boleh dibuat oleh nelayan-nelayan Trengganu? Nelayan Trengganu tidak boleh memakai senjata, bukanlah maknanya nelayan-nelayan Trengganu orang-orang yang bacul belaka. Kalau diberi senjata, mereka itu berani berlawan walaupun mengorbankan jiwa. Tetapi kita tidak boleh beri senjata kepada mereka, salah. Mereka itu pergi ke laut dengan tangan kosong sahaja. Orang-orang Thai datang dengan bot-bot lengkap dengan mesingun, Kerajaan dia benarkan. Jadi inilah saya mengemukakan rayuan kepada Kementerian ini apalah salahnya, baru semalam pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan sekarang ini kita ada bot-bot ronda, ada 2 buah kapal terbang yang selalu membuat rondaan di laut untuk menyelamatkan nelayan daripada lanun-lanun dan sebagainya. Saya pun hairan perkara ini berlaku di dalam negeri Trengganu, kalau negeri Kelantan molek sedikit, kerana bersempadan dengan Thai, selepas Kelantan datang ke Trengganu boleh dilanggarnya lagi. Di mana tidurnya kapal terbang ronda itu, di mana bot-bot laut itu bersembunyi? Saya tidak faham! Dengan sebab itu saya harap kalau ada sungguh sebagai yang dikata itu sebuah daripada kapal terbang ronda itu mestilah bersedia di stesen kapal terbang negeri Kelantan ataupun di negeri Trengganu, apabila ada bot Thai datang ekori dia, tengok apa ada di dalamnya. Kalau sekiranya mereka itu menceroboh sahaja ajarlah dia sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap benar hendak bercakap juga berkenaan dengan pengemis. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebajikan Am kerana langkahnya sekarang ini menangkap pengemis-pengemis khasnya di negeri Trengganu. Tetapi walau bagaimanapun tidaklah maknanya dia mengambil langkah keras 100%. Dia tangkap dalam seminggu, lepas itu ada pengemis-pengemis pula tetapi sudah merosot, tidak seperti dahulu lagi. Langkah ini jangan diberhentikan setakat ini. Sekarang ini alhamdulillah seorang daripada pengemis yang menjadi pelanggan saya di Kuala Trengganu, apabila saya pergi ke pasar selalu dia minta, saya kena beri kerana dia kenal saya. Dengan sebab adanya langkah dan tindakan daripada Menteri Kebajikan Am ini dia sudah menjadi seorang peraih menjual sayur. Saya kena beli sayur dia pula, alhamdulillah syukur.

Satu lagi yang saya hendak cakapkan ialah berkenaan dengan pencen orang tua. Negeri Sabah satu negeri di dalam Malaysia, tetapi keistimewaannya lebih. Keistimewaannya, orang tua yang berumur 60 tahun diberi pencen. Sekarang ini Kerajaan Sabah akan memberi pencen kepada orang-orang tua 60 tahun ke atas sebanyak \$60 seorang. Dia kata perkara ini akan melibatkan \$20 juta setahun di Sabah. Kalau sekiranya Sabah boleh buat begini, apalah salahnya kita jalankan di seluruh negara kita. Berilah kepada orang-orang tua itu pencen, kalau tidak \$60 pun berilah dia \$20, apalah salahnya. Biarlah mereka itu menikmati sedikit, mereka itu sudah hampir ke kubur, kubur sudah panggil dia. Jadi kalau dia dengar Sabah boleh beri \$60; bagaimana orang-orang di Pahang, Trengganu, Kuala Lumpur—tidak dapat. Saya fikir kalau rancangan-rancangan yang seumpama ini Kerajaan Sabah boleh buat, maka Kerajaan Malaysia kita pun boleh buat. Atau kalau tidak pun kompromilah dengan dia, bertolak ansur bagaimana cara-caranya.

Yang kedua, berkenaan dengan tanaman di Sabah. Baru-baru ini Ahli-ahli Dewan Negara dibenarkan melawat Sabah. Alhamdulillah, kita dapati bagaimana pihak koperasi di sana berjalan, tidak macam di sini. Di sini, macam di negeri Trengganu pihak Pejabat Pertanian suruh bertanam kacang. Apakala kacang sudah banyak, tidak boleh dijual kerana harganya murah, terpaksa masing-masing dengan cara berseendirian menjual kacang itu. Tetapi di Sabah tidak, Kerajaan tetapkan harganya \$30 sepikul. Apakala peladang-peladang dan petani-petani itu mengeluarkan hasil maka pihak Pejabat Pertanian mesti beli, di-longgok di tempatnya pihak Pertanian akan datang—bayar. Dengan sebab itu berlumba lumbalah orang di Sabah bertanam.

Begitu juga dengan tanah-tanah yang terbiar. Pihak koperasi sewa, beri 30% kepada tuan-tuanpunya tanah tadi. Kalau dia hendak kerja balik, dia diberi gaji hari sebagaimana buruh-buruh yang lain. Apakala dia telah berjaya berdikari; berdiri di atas kaki sendiri, tanah itu akan diserahkan balik kepadanya. Jadi "Geraktani" yang dilancarkan di seluruh Malaysia ini saya fikir tidak berjalan di Sabah. Saya rasa Sabah lebih progresif daripada Semenanjung Malaysia. Apa yang saya harap walaupun

Sabah itu sebuah negeri yang kaya di dalam Malaysia janganlah kita ketinggalan jauh sama ada di bahagian pertanian ataupun lain-lain lagi.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua merungut kepada saya kerana banyak bercakap, terpaksa saya berhenti bercakap. Yang sebenarnya banyak lagi perkara yang saya hendak sentuh tetapi tidak boleh, apa boleh buat. Sekianlah sahaja, terima kasih.

*4.53 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:**

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu suka mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya ikut sama dalam perbincangan Belanjawan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapannya pada 10hb Disember yang baru lepas telah menerangkan masalah inflasi ini ciptaan manusia yang perlu ditentang oleh Kerajaan dan semua pihak yang terlibat termasuk rakyat sekalian.

Kita sedar bahawa matlamat Belanjawan sebagaimana yang diumumkan adalah untuk membendung inflasi di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Saya juga berasa gembira kerana Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah memberikan suatu panduan yang baik terhadap dasar hidup rakyat supaya rakyat tidak mengamalkan tabiat membazir, hidup mewah, berjoli dan sebagainya. Sebaliknya hendaklah mereka mengamalkan dasar hidup secara sederhana untuk membawa kesan kesihatan jasmaniah dan rohaniah yang berasaskan akhlak yang tinggi dan murni.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat beberapa pandangan terhadap Belanjawan kita sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan kepada pihak Kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kekukuhan ekonomi kita sekarang bukanlah hasil dari kejayaan Dasar Ekonomi Baru semata-mata, tetapi sebaliknya hasil kekukuhan ekonomi yang kita rasai sekarang ini adalah dari rahmat dan kurniaan Allah Subhanahu wataala yang berpunca dari terjumpanya sumber minyak di Pantai Timur Malaysia Barat. Sekiranya

tidak kerana hasil minyak kurniaan Tuhan yang maha kuasa ini yang dianggarkan bernilai \$3,767 juta kemungkinan ekonomi kita akan mengalami deficit dan beban inflasi yang meningkat lebih dari 1%.

Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan supaya menggunakan wang hasil minyak itu untuk pembangunan ekonomi dan negara dengan tepat dan memberikan faedah yang benar-benar boleh menguntungkan golongan miskin yang merupakan bilangan terbanyak, kira-kira 95% dari penduduk Malaysia hari ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh menganjurkan juga kepada rakyat supaya berjimat dan jangan boros dalam perbelanjaan untuk membendung inflasi dan menganjurkan rakyat hidup sederhana. Saya bersetuju atas saranan itu, bukan sahaja rakyat biasa dari kalangan petani-petani, nelayan-nelayan dan kaum-kaum buruh yang miskin itu yang patut diarahkan, kerana apalah rakyat biasa petani-petani, nelayan dan buruh-buruh kasar yang miskin itu mampu hendak berbelanja dan berjoli-joli wang mereka tak ada, kerana mereka tidak ada wang. Untuk menyewa rumah yang buruk pun tidak mampu, hanya sekadar mampu beli beras dan ikan untuk sesuap pagi dan sesuap petang. Apa mereka hendak belikan dengan wang yang tidak ada. Rumah pun mereka menduduki rumah haram atau menumpang tanah-tanah kawan atau Kerajaan atau tanah rezab keretapi. Itupun sementara, sampai masanya akan dihalau oleh pihak yang berkenaan.

Golongan rakyat ini yang terbesar bilangannya, Tuan Yang di-Pertua, bahkan rakyat yang bertaraf Menteri-menteri, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan ahli-ahli perniagaan dan perdagangan, tuan-tuan-punya kilang dan industri-industri jutawan-jutawan (millionaires) itulah yang perlu digesa supaya tidak payah pakai barang-barang luxury, yang mewah-mewah, tidak payah buang duit di bar-bar, di night clubs dan di Casino. Buat apa buang duit minum brandy, whisky, gin, stout—buang duit sahaja. Inilah yang patut ditegaskan.

Saya syorkan untuk penjimatan wang supaya jangan rakyat boros dan menentang inflasi, Kerajaan sepatutnya membuat

undang-undang mengharamkan benda-benda ini semua daripada dijual, diminum dalam negara ini kerana ini semua belanja mem-bazir. Tidak ada arak manusia tidak mati, ada arak moral manusia jadi mati.

Tuan Yang di-Pertua, saya tujukan cadangan ini kepada pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab dalam Kerajaan terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet yang beragama Islam supaya melaksanakan undang-undang pengharaman arak ini. Kalau tidak, mereka akan bertanggungjawab di hadapan Tuhan di akhirat kelak.

Selain daripada itu, penjimatan sedemikian juga perlu diarahkan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan atau badan-badan Kerajaan, supaya mereka berhati-hati dalam membelanjakan wang negara, jangan menjadi macam projek Bank Rakyat disalahgunakan hingga berpuluh-puluh juta wang rakyat disapu oleh orang-orang yang diamanahkan. Sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, harapan pagar, pagar makan padi. Macam projek bangunan Ibu Pejabat MARA yang baru siap telah retak, pecah-pecah tidak boleh digunakan, terpaksa belanja lagi untuk membaikinya. Jangan jadi seperti projek Gula Negeri Sembilan dan Pelabuhan Kuantan yang melibatkan kerugian wang negara beratus-ratus juta ringgit.

Kejadian-kejadian ini hendaklah dijadikan pengajaran betapa gagalnya rancangan ekonomi kita akibat daripada rasa tanggungjawab tidak ada di dalam sanubari setengah-setengah pegawai yang berkenaan yang dipertanggungjawabkan. Kesalahan-kesalahan ini adalah tanggungjawab Kerajaan bersama. Kerajaan tidak boleh lari dari tanggungjawab ini. Pegawai-pegawai Kerajaan adalah manusia biasa tetapi oleh kerana manusia ini dijadikan oleh Tuhan yang pencipta alam dan termasuk dunia yang kita hidup ini, maka itulah sebabnya bersama-sama dunia dan penghuninya Tuhan buat dan tentukan satu peraturan supaya manusia ikut yang mana peraturan atau syariat itu bila dipergunakan betul-betul selamat projeknya selamat manusia, selamat masyarakat, negara dan seterusnya dunia ini. Tetapi sebaliknya kerana keangkuhan kita terhadap Tuhan pencipta alam inilah menyebabkan

kegagalan-kegagalan kita berlaku tanpa disadari dari awal-awal. Itulah maka nikmat yang kita dapati dari hasil minyak ini hendaklah dipergunakan betul-betul sesuai dengan kehendak-kehendak Islam yang diridai Tuhan. Untuk mengatasi masalah negara yang sedang menghadapi tekanan inflasi ini . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 5.03 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.20 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.22 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya tadi dalam masalah untuk mengatasi inflasi negara yang kita sama-sama menerima tekannya bukanlah dengan cara menambah peruntukan dalam menyediakan Belanjawan negara sahaja tetapi untuk menambah potensi pengeluaran negara supaya bahan-bahan keperluan masyarakat dan negara sentiasa ada dan mencukupi perlu dilipatgandakan.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, satu usaha yang sangat merugikan negara kita yang telah dilakukan oleh Kerajaan baharu-baharu ini sebagaimana berpuluh-puluh ribu ternakan dibunuh dalam negara kita terutama di Pantai Timur di awal tahun baharu-baharu ini setelah sahaja terlibat dengan wabak penyakit kuku dan mulut. Jadi, suatu cara yang terburu-buru yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan walaupun dengan tujuan mengatasi wabak tetapi awal-awal lagi memusnahkan ternakan itu sebelum ternakan itu musnah dengan takdir Allah. Cara seperti ini ialah satu cara yang menghapuskan sumber keperluan negara kita yang diusahakan oleh rakyat. Walaupun Kerajaan dalam menghadapi masalah ini memberi saguhati—gantirugi kepada petani-petani yang terlibat oleh pemusnahan ternakan mereka itu, tetapi Kerajaan terpaksa membelanjakan wang negara untuk membeli

ternakan dari luar negeri untuk menggantikan ternakan yang dimusnahkan itu. Masalah ini adalah suatu masalah bukan sahaja bergantung kepada keyakinan keagamaan tetapi juga dari segi prinsip ekonomi amatlah mendukacitakan, kerana kita dapati di negara tetangga kita Thailand yang lebih dahulu mengalami penyakit wabak seperti ini tetapi mereka tidak bertindak seperti apa yang kita lakukan. Mereka berikhtiar dengan sedaya upaya menyelamatkan, mengubati dan sebagainya dan suatu kenyataan yang saya dapat nyatakan di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada di antara penternak-penternak kita di Pantai Timur di Kelantan khususnya yang merahsiakan ternakan mereka yang terkena wabak ini daripada pengetahuan pihak Pejabat Haiwan dan mereka berikhtiar dengan usaha ikhtiar mereka sendiri tanpa diketahui oleh Jabatan Haiwan, oleh Doktor Haiwan dan sebagainya, akhirnya ternakan mereka ini selamat tidak mati. Jadi, kalaulah dilaporkan kepada Jabatan Haiwan tentang keadaan penyakit yang dialami oleh ternakannya, sudah tentu dibunuh, dimusnahkan dengan cara mulamulanya ditembak mati, cara yang akhirnya disembelih tanpa dipergunakan apa-apa. Jadi, inilah suatu contoh betapa Kerajaan kita mengabaikan sumber keperluan negara sendiri. Yang berpunca daripada keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mulai mengalami kenaikan harga daging di Malaysia daripada \$3 sekati sampai kepada \$3.60, \$4 dan \$4.50 sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh Kerajaan sentiasa menambahkan projek-projek pembangunan tanpa menambah daya pengeluaran bahan-bahan binaan sesuai dengan keperluan tambahan kerja-kerja pembangunan itu. Kenapa Kerajaan tidak menambah kebenaran membina kilang-kilang simen yang mencukupi seperti di Pahang, di Kelantan dan di Trengganu yang mana sekarang belum ada satu kilang simen pun di sana untuk keperluan kegunaan kerja-kerja pembangunan di sana. Begitu juga kilang-kilang besi waja seperti Malayawata yang dibina di Prai, kenapa tidak dapat diusahakan supaya penambahan kilang ini diadakan sama di sebelah Pantai Timur selain daripada menambah bahan binaan yang diperlui oleh kerja-kerja pembangunan yang pesat sekarang ini di samping dapat menyelamatkan ongkos perbelanjaan pengangkutan yang begitu banyak terlibat dari

Prai ke Pantai Timur sama ada melalui rail ataupun melalui pengangkutan lori, trailer dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menggalakkan pelaburan memang bagus tetapi pelaburan itu hendaklah selain daripada memberi pekerjaan kepada rakyat negara ini dan penyertaan kaum bumiputra dalam pelaburan dan pengurusannya maka hendaklah juga bertujuan menambah pengeluaran negara dan menurunkan harga pasaran dalam negeri supaya kadar inflasi yang menjadi beban masyarakat dan rakyat negara ini akan dapat dikurangkan oleh penambahan pelaburan dan perindustrian itu. Jangan dengan masuknya pelaburan ke dalam negeri, melibatkan inflasi bertambah tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1980 ini masih berkisar dalam lingkungan Belanjawan yang berunsur riba lagi. Negara masih meminjam dan memberi pinjaman dengan kadar faedah yang berlipatganda, sama ada dari luar negeri mahupun dari dalam negeri hingga kepada masyarakat peniaga dan petani-petani ikut dilibatkan dengan kadar faedah dan interest yang berlipatganda. Riba tetapi menekan masyarakat kita. Pelaburan bertambah gemuk dan subur dengan kadar interestnya yang berlipatganda sedangkan peniaga-peniaga kecil, petani-petani, nelayan-nelayan yang miskin kian tertekan dan tertindas. Kenapa perancang ekonomi negara kita tidak cuba berusaha mencari jalan keluar daripada sistem riba ini? Kalau tidak secara langsung pun sekurang-kurangnya cara beransur-ansur menuju ke arah melepaskan negara dan masyarakat kita dari cengkaman riba yang menjadi beban kepada negara dan masyarakat dan ditentang oleh Islam sendiri. Mereka yang tidak menentang riba bererti mereka menentang Islam, mereka yang menentang riba bererti berjuang menegakkan Islam.

Soal hukum pula dan soal perundangan dalam negara ini juga menjadi masalah kepada masyarakat Islam sendiri. Undang-undang Islam diwajibkan dalam Islam kepada tiap-tiap anggota Islam melaksanakannya. Kenapa kita sebagai pemerintah, terutama Perdana Menteri sendiri sebagai seorang Muslim masih tidak yakin dengan kemampuan undang-undang Islam dapat menyelesaikan masalah (problem) dalam negara ini. Beliau bimbang kalau dilaksanakan undang-undang Islam akan timbul-

kan implikasi-implikasi yang boleh merugikan negara jika undang-undang Islam dilaksanakan di negara ini.

Dengan sebab itu Kerajaan hari ini tidak bercadang meminda Perlembagaan Negara untuk membolehkan perlaksanaan undang-undang Islam itu dilaksanakan walaupun di negeri-negeri dan seterusnya di negara ini seluruhnya. Sebaliknya Perdana Menteri bertanya, adakah negara ini mahu menerima hukum-hukum Islam itu? Adakah Perdana Menteri menganggap undang-undang Islam itu zalim hingga negara ini tak mahu menerimanya. Tiap-tiap hukum dalam Islam yang telah ditetapkan dalam Al-Quran dan Hadis oleh Tuhan pencipta alam ini ada tujuan dan hikmatnya, bukan untuk menzalimi, bukan untuk menganiaya, bukan untuk merosakkan masyarakat dan negara ini bahkan sebaliknya untuk menyelamatkan negara ini sendiri. Hukuman-hukuman itu ditentukan supaya manusia tidak menjadi binatang supaya manusia kekal dengan taraf manusianya yang bermoral dan berdisiplin. Dengan sebab itu hukuman hudud dalam Islam dikehendaki perlaksanaannya. Hukuman ini bukan ciptaan manusia, bukan seperti undang-undang yang berasaskan undang-undang British yang dicipta oleh manusia sahaja, undang-undang Islam ini ciptaan Tuhan kepada semua rakyat negara ini dan juga dunia seluruhnya. Dengan sebab itu tidak patut kita tolak undang-undang ciptaan Tuhan ini bahkan perlu kita laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika Sistem Perundangan Islam dilaksanakan sebaik-baiknya kerja-kerja munkar dan jenayah akan berkurangan kalau tidak hilang langsung pun di negara ini. Negara dan masyarakat akan hidup makmur, aman dan adil di bawah lindungan undang-undang Islam dan Allah akan memberkati semua usaha kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal undang-undang dan mahkamah maka amatlah memalukan kita sebagai warganegara Malaysia yang telah lama merdeka walaupun telah hampir suku abad kita bebas dan merdeka daripada penjajahan British, hingga hari ini masih tidak habis-habis kita dengan anasir-anasir penjajah termasuk perundangannya, mahupun pelaksanaan bahasanya dalam mahkamah-mahkamah. Undang-undang kita masih berpandu kepada

undang-undang British dan penggunaan bahasa di mahkamah-mahkamah kita juga masih memakai bahasa Inggeris. Kita berbangga dengan adanya pengajian undang-undang di negara kita sendiri, begitu juga kita berbangga dengan pengajian Bahasa Malaysia dari sekolah rendah menengah dan tinggi hingga ke universiti telah diadakan dan suatu badan pencipta istilah-istilah dan menterjemah buku-buku dari bahasa lain ke Bahasa Malaysia juga telah diadakan dengan tertegaknya Dewan Bahasa dan Pustaka. Semuanya ini tidak memberi erti kepada Mahkamah dan perundangan negara ini kerana bahasa Inggeris masih tetap dilaksanakan di Mahkamah-mahkamah Tinggi itu.

Saya bersetuju dengan rakan-rakan saya yang telah berucap lebih dahulu daripada saya dalam masalah ini yang menyuarakan supaya pelaksanaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah hendaklah dikuatkuasakan. Saya kira Kerajaan, terutamanya Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara perlu tegas dalam perkara ini, umpamanya mulai tahun 1980 ini semua mahkamah hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam perbicaraannya. Saya kira semua Hakim dan Peguam-peguam dalam negara ini telah dapat memahami Bahasa Kebangsaan kita. Kalau yang tak mahu belajar atau tak mahu faham Bahasa Kebangsaan tidak payahlah berkhidmat dengan negara ini. Selagi kita bertolak ansur selama itulah orang-orang yang tak mahu mengamalkan Bahasa Kebangsaan ini akan membuat-buat sahaja alasan-alasan, tak sempat mempelajari kononnya pada hal lebih 20 tahun berlalu masih tidak sempat lagi hendak belajar Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal keselamatan negara, kita tidak akan dapat lari daripada kenyataan yang ada pada hari ini iaitu ancaman komunis dan ancaman golongan sekularisma. Kedua-dua ancaman inilah yang menyebabkan berlakunya pembunuhan, perompakan, penipuan, perjudian, perkelahian, pelacuran dan seribu satu macam kerja-kerja jenayah yang mengancam keselamatan negara ini. Fahaman komunisnya atau sosialisnya perlu ditentang dengan fahaman Islam, begitu juga fahaman sekularisma yang mengasingkan negara dan masyarakat daripada ikatan Ugama Islam itu juga perlu ditentang dengan fahaman

Islam yang menyeluruh. Fahaman bahawa Islam di masjid-masjid sahaja hendaklah diubah. Kerajaan sekarang hendaklah melaksanakan ajaran dan faham Islam dalam pentadbirannya, perundangannya, perekonomiannya, pelajaran dan pendidikannya, seterusnya merangkumi semua aspek kehidupan masyarakat dalam negara ini, termasuk soal-soal ibadah sama. Usaha-usaha ini hendaklah disertakan di samping usaha-usaha di bidang ketenteraan dan kepolisan kita yang perlu dilipatganda dedikasi mereka dan kemampuan mereka, baik dalam segi pengetahuan mahupun dari segi teknikal untuk menentang musuh negara yang mengancam keselamatan negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pergolakan di dunia sebelah timur ini sekarang saya ingin menyeru pihak Kerajaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak dapat diperalatkan oleh kuasa-kuasa besar yang sedang bertarung untuk berebut dan mempertahankan kepentingan mereka. Saya percaya bahawa ummah dan rakyat umum di negara kita ini mempunyai kemampuan yang cukup untuk menentang sebarang ancaman dari luar. Tetapi apa yang perlu dan penting sekali pada masa ini ialah untuk memupuk semangat dan kesedaran ummah berdasarkan sistem hidup yang suci dan murni dalam usaha jihad, mempertahankan ugama, bangsa dan negara supaya mendapat tempat yang utama dalam menegakkan keadilan di muka bumi ini serta untuk menegakkan kedaulatan ugama Allah sendiri. Tanpa sistem hidup yang suci dan murni demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tidak akan wujud satu perpaduan dan kegigihan nasional dalam menentang ancaman musuh dari luar, malah mungkin timbul ancaman musuh dari dalam sendiri seperti talam bermuka dua atau musang berbulu ayam.

Bukan sahaja mereka seperti ini sanggup mempertahankan tanahair kita yang kita cintai ini, malah mereka akan lari apabila negara kita diserang oleh musuh dari luar. Saya berharap sekiranya negara kita diancam oleh musuh dari luar, semua rakyat kita termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini bersama-sama dengan Pasukan Keselamatan dan bala tentera kita akan sanggup berjuang bahu-membahu dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang usaha Kerajaan untuk menghapuskan jurang kekayaan antara golongan kaya dan golongan yang miskin melalui Dasar Ekonomi Baru, saya ingin menegaskan kepada Kerajaan supaya memikirkan dengan serius tentang kejayaan Kerajaan yang hanya dapat melahirkan jutawan elite segelintir golongan bumiputra yang memonopoli dan mengeksploitasikan hak-hak istimewa dan peluang-peluang yang wujud atas nama kaum bumiputra yang berjumlah 6 juta orang itu untuk mengatasi lahirnya suatu jurang baru akibat wujudnya segelintir jutawan bumiputra itu, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan melaksanakan sistem zakat harta yang telah ditentukan cukai atau kadar potongannya sebanyak 2½%. Dengan adanya cukai zakat harta ini bukan sahaja akan mengatasi jurang tersebut malah akan dapat melaksanakan projek pembangunan yang sesuai untuk kepentingan umat Islam di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru belum lagi mencapai matlamat 30% dan jurang perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya kian bertambah jauh. Kita tidak nafikan hasil Dasar Ekonomi Baru telah memberi peluang kepada segelintir rakyat bumiputra yang telah jadi kaya tetapi sebahagian besar rakyat bumiputra masih miskin dan kegagalan pemborong-pemborong bumiputra dalam usaha-usaha memborong kerja-kerja pembangunan sehingga lebih daripada 80% daripada mereka menemui kegagalan dan kegagalan ini walaupun pihak Kerajaan dikatakan telah mengetahui sebab-sebab punca kegagalannya tetapi selagi kegagalan itu masih berlaku tanpa dibaiki maka usaha Kerajaan masih gagal lagi.

Kejayaan pertanian kita sedemikian juga, Tuan Yang di-Pertua. Masyarakat petani dan nelayan masih lagi tidak lepas-lepas daripada ancaman dan tekanan yang datang berpunca daripada inflasi yang sedang kita hadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pelajaran. Saya suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran terutama sekali dalam amalan menyusun semula kelas-kelas dan meningkatkan guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah di seluruh negara sekarang ini supaya dibuat kajian untuk mengatasi penyelewengan yang telah berlaku dalam tindakan penyusunan semula itu.

Penyelewengan-penyelewengan yang saya maksudkan itu ialah guru-guru yang berkelulusan dan telah menunjukkan dedikasi mereka berbelas-belas tahun diturunkan kedudukannya menjadi guru penolong yang darajahnya lebih rendah daripada kedudukan asal.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Guru Besar Sekolah Kebangsaan yang bertaraf "A" di dalam Jajahan Bachok di Kelantan yang telah berkhidmat menjadi Guru Besar di sekolah itu dengan menumpukan sepenuh masanya untuk persekolahan tanpa mencampur adukkan dirinya dalam apa-apa perniagaan pun dan telah mendapat rekod yang baik di Jabatan Pelajaran Negeri, tetapi berpunca daripada perubahan baru-baru ini Guru Besar itu telah diturunkan pangkatnya menjadi guru penolong di sekolah rendah kebangsaan. Jadi, soal seperti ini berbanding dengan apa yang berlaku dengan guru-guru yang lebih junior daripada guru tadi telahpun dinaikkan pangkatnya walaupun guru yang lebih junior ini kurang dalam tempoh perkhidmatannya, kurang pula dalam kelulusannya dan melibatkan dirinya dalam perniagaan dan sebagainya yang mana penumpuan kepada persekolahan tidak sebagaimana yang diberi oleh guru yang diturunkan pangkat yang dahulunya menjadi Guru Besar di Sekolah "A". Jadi, soal seperti ini perlulah diatasi oleh Kementerian berkenaan. Saya kira kalau tidak kerana kesilapan laporan yang dikemukakan oleh pihak yang berkenaan mungkin suatu diskriminasi ataupun sentimen politik dipergunakan dalam melaksanakan penyusunan ini.

Keadaan penyelewengan ini sekiranya berpanjangan saya bimbang akan timbul perasaan keciwa di kalangan guru-guru tersebut. Perasaan dan semangat dedikasi dan keikhlasan dalam perkhidmatan mereka yang mereka tunjukkan selama ini akan hilang di kalangan guru-guru tersebut dan sekiranya ini berlaku anak-anak kita juga akan menempuh kerugian dalam soal pelajaran. Oleh itu, saya mengharapkan segala punca yang akan membawa kepada perasaan keciwa dan tidak puas hati di kalangan guru-guru itu perlulah diatasi dan kejadian memilih kasih berdasarkan parti

hendaklah dihapuskan dan sebaliknya ditegakkan keadilan berdasarkan kebolehan, kesanggupan dan dedikasi sesuatu perkhidmatan itu demi untuk kepentingan bangsa, negara bukan untuk kepentingan parti.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal perkhidmatan keretapi yang mana saudara saya daripada Trengganu baru sekejap tadi telah menyentuh soal kepentingan negerinya yang belum ada keretapi, saya juga pernah menyuarakan supaya keretapi ini bukan sahaja perlu diadakan sampai ke negeri Trengganu tetapi apa yang telah sedia ada itupun sekarang ini perlu diperbaiki kerana apa yang ada hari ini, kalau dari segi pengangkutan untuk masyarakat memilih, masyarakat Pantai Timur tidak akan menggunakan keretapi—kalau boleh pilih, tetapi apa boleh buat oleh kerana jalanraya tidak ada hendak pergi ke Gua Musang, jalanraya tidak ada hendak pergi ke kawasan pedalaman di Ulu Kelantan mahu tidak mahu, puas hati, tidak puas hati keretapi mesti dipergunakan.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai pengalaman sendiri dalam perjalanan mel, ini tak kira local train, kalau cerita local train lagi teruk, tetapi ini cerita mail train, Sumpitan Emas namanya ataupun Sumpitan Malam namanya, tak kira, tetapi perjalanan keretapi dari Tumpat ke Kuala Lumpur yang memakan masa dari jam 9.00 pagi di Tumpat sampai di Kuala Lumpur jam 7.00 pagi keesokan harinya, ertinya mengambil masa hampir 24 jam. Perjalanan ini adalah perjalanan jauh. Saya hendak sentuh bukan soal keretapi selalu tergelincir tetapi soal keretapi selalu lambat. Kadang-kadang kalau yang program sampai pukul 7.00 pagi di Kuala Lumpur dia akan sampai pukul 10.00-11.00 pagi. Jadi soal kelambatan ini memang satu masalah. Bila ditanya kepada Kementerian, Kementerian akan dijawab landasan lama. Itu tak apalah, saya tak musykil kerana perbelanjaan negara perlu berjimat, tetapi kalau sampai landasan lama dibiarkan sampai keretapi tergelincir, ini akan membahayakan kepada penumpang-penumpang itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang saya tidak jemu-jemu menyuarakan di Dewan ini iaitu soal keperluan seorang Muslim yang menggunakan perjalanan keretapi yang mana saya sendiri mengalaminya. Kalau saya yang diberi kemudahan oleh pihak Kerajaan, alhamdulillah, boleh duduk di First Class dapat kabin boleh mengerjakan

sembahyang, tetapi kepada penumpang Third Class, penumpang Second Class di mana mereka hendak sembahyang dalam perjalanan jauh yang memakan masa hampir 24 jam sehari semalam itu? Bolehkah keretapi menunggu kerana kita hendak turun sembahyang di stesen, sebab Menteri pernah menjawab mengatakan kita sudah sediakan tempat sembahyang di stesen-stesen keretapi yang utama seperti Gemas, Krai, Gua Musang, Lipis dan sebagainya? Kalau turun sembahyang keretapi akan tinggalkan kita. Jadi dengan sebab itu, saya katakan tadi, saya tak jemu-jemu mencadangkan supaya Kementerian yang berkenaan mengarahkan pentadbiran Keretapi dalam perjalanan yang mengandungi 20-30 gerabak sekali tarik, sediakanlah 10 kaki×20 kaki persegi kawasan untuk orang Islam yang hendak sembahyang. Saya tidak minta di tiap-tiap gerabak. Ada pula setengah Menteri yang barangkali dia tak faham, dia kata musafir boleh jamak. Bolehkah jamak Zuhur dengan Asar sembahyang dalam waktu Maghrib? Tentu tak boleh. Sembahyang Zuhur boleh himpun dalam waktu Asar ataupun kita sembahyang waktu Asar itu dalam waktu Zuhur. Dua waktu itu sahaja yang boleh dihimpun ataupun Maghrib dengan Isya atau sebaliknya. Itu sahaja. Kalau hendak jamak sampai 24 jam tak sembahyanglah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya Pentadbiran Keretapi melalui Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan kemudahan tempat untuk orang Islam sembahyang. Mereka yang tak hendak sembahyang, itu soal dia, jangan pula besok Tuhan bertanya, Tuan Yang di-Pertua: Pentadbiran Keretapi, kenapa tak menyediakan tempat sembahyang untuk orang Islam sembahyang? Kalau dia jawab, dia tak tahu—sekarang saya hendak beritahu dalam Dewan ini. Jadi tak boleh dia hendak jawab, dia tak tahu. Kalau hendak kata tak ada duit, tak menasabah. Koc untuk barang di belakang itu boleh disediakan untuk tempat sembahyang. Jadi nampaknya sekarang ini untuk barang lebih bernilai daripada untuk tempat sembahyang. Jadi saya minta supaya perkara ini mendapat perhatian dan perlaksanaan oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya hendak sebutkan di sini ialah soal pelaksanaan subsidi baja yang berlaku di negeri Kelantan kepada petani yang miskin dari

kalangan bumiputra sendiri. Nampaknya amalan di setengah-setengah tempat sangat menyeleweng daripada keadilan yang sebenarnya oleh kerana perasaan dendam dan pilih kasih yang dianuti oleh sebahagian orang yang diberi tugas dalam pengesahan pemberian subsidi baja yang berpunca daripada perbezaan parti politik masing-masing, maka petani miskin itu menjadi mangsa penyelewengan itu. Petani yang menjadi mangsa penyelewengan itu adalah petani bumiputra kita sendiri, umat Islam kita sendiri yang juga membayar cukai kepada negara ini melalui hasil tanah melalui cukai import-eksport dan sebagainya, hasil daripada pembelian barang-barang mereka dan pengeluaran mereka. Jadi semua mereka ini adalah warganegara yang patut mendapat pertimbangan yang adil daripada Kerajaan yang dikatakan adil sekarang ini.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini, sebahagian petani yang benar-benar mengerjakan sawahnya tetapi kerana petani itu bukan orang parti UMNO (secara terus terang) di dalam kad pembahagian subsidi mereka itu ditanda sebagai penentang Kerajaan. Apabila ditanda sebagai penentang Kerajaan maka tidak diberi subsidi baja. Jadi, adakah kerana mereka ini menyokong parti yang bukan parti Kerajaan semata-mata menyebabkan mereka dianiaya sedemikian rupa. Dari segi keadilan, saya tidak hendak menimbulkan sesuatu yang bukan-bukan dalam Dewan yang mulia ini. Saya menarik perhatian supaya walaupun tidak atas nama bangsa, pertimbanglah atas nama ugama dan dari segi keadilan. Jadi soal ini juga perlu mendapat perhatian. Dan masalah-masalah seperti ini perlu diketengahkan supaya mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang menyentuh khususnya di negeri Kelantan, saya suka menarik perhatian kepada pihak Kementerian berkenaan yang mana di bandar Kota Bharu telah heboh tentang Rancangan Kota Bharu Indah dan pernah tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan di negara kita yang mana sebahagian daripada Ketua-ketua UMNO di Kota Bharu itu sendiri telah menyuarakan hal ini. Saya tidaklah hendak mewakili mereka itu, tetapi saya menyuarakan pendapat ini semata-mata berasaskan kepada hasrat dan kepentingan bumiputra sendiri di

bandar Kota Bharu itu yang mana rancangan Kota Bharu Indah atau Kota Bharu Permai yang akan dilancarkan di kawasan tanah lembah di tepi Jambatan Sultan Yahya Petra itu akan melibatkan kesulitan kepada penduduk-penduduk di kawasan sekitar itu sendiri yang terdiri daripada penanam-penanam bumiputra yang akan terlibat dengan rancangan ini dan mungkin rancangan ini kalau jadi dilaksanakan, akan memberi peluang kepada bukan bumiputra mengambil kesempatan di kawasan ini. Jadi dengan sebab inilah, dengan punca dari kebimbangan inilah, suara-suara supaya rancangan itu dikaji semula supaya benar-benar boleh memberi pertolongan dan faedah kepada bumiputra sendiri bukan kepada orang lain. Ini pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, suka saya menearangkan suatu keadaan lagi yang berlaku yang mana berpunca daripada sesuatu rancangan Kerajaan terutamanya dalam pembinaan ataupun pemberian tenaga elektrik ke luar-luar bandar yang selalu menjadi masalah kepada orang-orang kampung. Barangkali, Tuan Yang di-Pertua sendiri pernah membaca suratkhbar yang menyiarkan bahawa tiang-tiang elektrik yang dipasang tanpa wayar, tanpa supply api ke rumah-rumah orang kampung ditebang oleh orang kampung, suratkhbar menyiarkan. Memang perkara ini telah berlaku. Saya setelah mendapat berita daripada akhbar, saya cuba meninjau, hendak tahu apa yang sebenarnya berlaku, apa motif kejadian ini boleh berlaku. Apa yang saya dapati, rancangan untuk membawa elektrik ke kampung itu telah lama dirancang dan diminta kerjasama daripada orang-orang kampung sehingga hasrat orang kampung hendakkan bekalan api ini, mereka sanggup dengan arahan daripada pihak Lembaga Letrik Negara bergotong-royong untuk menebang pokok-pokok durian, langsung, rambutan, duku dan sebagainya yang terlibat dengan line yang hendak dipasangkan elektrik itu. Tetapi setelah menunggu sebulan, setahun, dua tahun, tiang berbunga pun tidak, berdaun pun tidak, berbuah jauh sekali, tiang setiang-tiang, wayarnya tak ada, jangankan hendak dapat api. Jadi, mengikut cerita yang saya dapati rakyat di kampung itu berjumpa wakilnya, wakil State, bukan wakil Parlimen, wakil State kata, sayapun acap kali berulang ke Lembaga Letrik

Negara, sekali dia kata, tunggu dahulu, dua kali dikatakan tunggu dahulu, saya pun sudah jemu hendak ulang. Jadi inilah keadaan yang berlaku.

Akhir sekali entah apa sebab, Tuan Yang di-Pertua, Wakil Rakyat itu sendiri, katanya dia tak tahu apa hendak buat ikut suka tuan-tuan. Inilah berlaku punca berpunca daripada tidak ada siapa yang hendak mem-bela mereka ini, setelah harta benda mereka, pokok buah-buahan yang bernilai, kalau duku sekati \$1 ataupun \$2 dapat dijual tetapi duku mereka sudah tak berbuah. Dengan sebab itu mereka kira, kalau tanam pokok lagi baik daripada tanam tiang yang tak berhasil. Inilah cerita yang saya dapat. Jadi saya kira pengalaman ini menjadi suatu pengajaran kepada pihak yang berkenaan pada masa akan datang. Kalau kita hendak arahkan rakyat menebang pokok yang berharga, janganlah kita biarkan sampai begitu lama, sebab merekapun dapat menilai berapa income daripada pokok yang mereka tebang itu. Jadi, inilah pandangan saya supaya menjadi perhatian pihak yang berkenaan pada masa yang akan datang. Kalau hendak disuruh rakyat menebang pokok, cepatlah bawa masuk bekalan api itu.

Selain daripada itu, dalam usaha Kerajaan hendak memberi kemudahan kepada rakyat di luar bandar ini, memanglah saya sambut tinggi dan saya sekali lagi ucapkan ber-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya memberi pandangan saya dalam Dewan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng.

*6.08 ptg.*

**Tuan Chua Ching Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Belanjawan tahun 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada petang 10hb Disember, 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah serta ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang telah mengemukakan satu Belanjawan yang boleh dianggap sebagai Belanjawan yang bertimbang rasa dan dinamik dalam sejarah negara kita. Jumlah

besar peruntukan Belanjawan bagi tahun 1980 ialah \$20,724,000,000. Dalam pada itu \$10,868 juta adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$9,856 juta adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanja Mengurus yang berjumlah \$10,868 juta itu menunjukkan tambahan sebanyak \$2,159 juta atau 24.8% dari anggaran asal tahun 1979 yang berjumlah \$8,709 juta. Sungguhpun negara kita menghadapi tekanan tambahan belanja mengurus dari tahun ke setahun bagi membolehkan Kerajaan kita memberi perkhidmatan yang lebih baik dan meluas kepada rakyat. Namun begitu, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita dengan bijaksana dan keberanian beliau sanggup mengorbankan subsidi-subsidi berhubung dengan elektrik dan barang-barang petroleum yang dianggarkan berjumlah \$491 juta serta potongan-potongan cukai yang dianggarkan sebanyak \$482 juta bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita dan menyekat inflasi dari bertambah buruk di dalam negara kita. Dengan berbuat demikian, Kerajaan berharap akan dapat menolong terutamanya kepada golongan yang miskin dan mereka yang berpendapatan rendah menghadapi masalah-masalah ekonomi di masa hadapan.

Saya suka mengambil peluang ini untuk mengemukakan pandangan-pandangan saya terhadap beberapa Kementerian. Yang pertama ialah Kementerian Pertahanan.

Dalam Belanjawan tahun 1980 peruntukan bagi Kementerian Pertahanan ialah sebanyak \$2,962 juta atau 14% daripada jumlah besar Belanjawan tahun 1980. Peruntukan ini merupakan satu kali lipat ganda lebih daripada peruntukan bagi tahun 1979 yang hanya sebanyak \$1,518 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar pada masa yang lampau, Kerajaan Barisan Nasional sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab sentiasa cuba menjimatkan perbelanjaan terhadap pertahanan negara dan memberikan keutamaannya kepada perbelanjaan pelajaran dan kesihatan untuk mewujudkan satu perkhidmatan yang lebih meluas dan sempurna.

Kita tidak dapat menafikan baru-baru ini perkembangan pergolakan politik dan ketegangan pergerakan tentera di sempadan

bersama Kampuchea dengan Thailand telah bertambah buruk dari hari ke sehari. Sungguhpun pada 15hb November, 1979 Majlis Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu telah meluluskan dengan kelebihan suara yang terbesar rangka ketetapan ASEAN yang menuntut perunduran serta merta semua pasukan tentera asing dari Kampuchea, tetapi hingga hari ini kita masih belum dapat memastikan sama ada Kerajaan Vietnam sanggup mematuhi keputusan Majlis Bangsa-bangsa Bersatu itu. Oleh sebab yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan bagi Kementerian Pertahanan itu. Jika perlu berikanlah tambahan yang cukup dan sewajarnya bagi memperkukuhkan lagi kekuatan pertahanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah menyediakan payung sebelum hujan. Tibalah masa bagi kita bertindak memperbesarkan dan mempermodenkan Angkatan Tentera kita mahupun Angkatan Tentera Udara, Laut dan Darat. Pasukan tentera kita hendaklah dilengkapi dengan alat-alat perang yang moden bagi menjamin keselamatan dalam negara dan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang terus menggugat rantau sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengalu-alukan langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertahanan kita yang memperuntukkan sebanyak \$527 juta untuk menempah lebih banyak kapal terbang Jet Pejuang dan kapal perang laut untuk Angkatan Tentera Udara dan Laut kita. Tetapi pembesaran dan pemodenan Angkatan Tentera tidak akan memberi erti dan kesannya jika rakyat kita yang berbilang kaum kekurangan perpaduan. Kerana perpaduan rakyat merupakan satu benteng rohani yang kukuh dan utuh untuk memenangi sesuatu peperangan bagi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengkaji dengan seriusnya untuk mengadakan sistem Perkhidmatan Negara (National Service) bagi semua rakyat lelaki Malaysia dalam satu lingkungan umur yang tertentu untuk menanamkan semangat dan kesedaran mereka terhadap negara sambil memberi peluang kepada mereka membuktikan ketaatsetiaan mereka terhadap negara dan Raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Pelajaran, Maksud B. 29 dalam Belanjawan tahun 1980. Jumlah besar peruntukan bagi Kementerian tersebut ialah \$2,574.6 juta. Daripadanya \$2,053.01 juta adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$521 juta adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Peruntukan bagi Kementerian tersebut merupakan satu peruntukan yang kedua besar bagi sesuatu Kementerian dalam Belanjawan tahun 1980, iaitu hampir 12% daripada jumlah besar Belanjawan tahun 1980.

Saya mengalu-alukan pengumuman Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Chan Siang Sun, di Dewan Rakyat baru-baru ini yang telah mengumumkan bahawa Kerajaan bercadang untuk memperbesarkan 5 buah pusat pengajian tinggi yang sedia ada dan sambil itu akan menubuhkan sebuah lagi universiti tempatan untuk menampung keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum bahawa negara itu adalah satu negara yang mengamalkan sistem pelajaran percuma selama 9 tahun bagi semua rakyat. Dengan usaha Kerajaan, kualiti pelajaran sekolah menengah kita telah bertambah baik dari setahun ke setahun, maka wujudlah satu keadaan di mana bilangan pelajar-pelajar yang layak memasuki ke universiti bertambah ramai dari setahun ke setahun. Oleh kerana tempat-tempat pengajian tinggi dalam universiti yang sedia ada di negara kita adalah terhad, tambahan pula dalam satu dua tahun ke belakangan ini negara-negara seperti Britain, Australia, Canada dan New Zealand telah menaikkan yuran belajar dengan beberapa kali lipat ganda. Keadaan ini telah menyebabkan ramai pelajar kita yang miskin tidak lagi mampu melanjutkan pelajaran mereka di seberang laut. Maka ramai pelajar yang miskin yang cerdik pandai dan berkelayakan telah dengan secara tidak langsung terkorban akibat kekurangan tempat-tempat pengajian tinggi di dalam negara kita. Jadi cadangan Kerajaan untuk membesarkan 5 buah universiti dan menambah sebuah lagi universiti tempatan adalah satu langkah yang bijak dan akan membawa besar keuntungan atau hasil bukan sahaja kepada negara bahkan kepada rakyat jelata semua.

Tuan Yang di-Pertua, menyediakan tempat-tempat pelajaran tinggi bagi setiap rakyat yang layak adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan terhadap pembayar-pembayar cukai. Kita tidak dapat menerima pandangan-pandangan dari segolongan kecil pegawai-pegawai perancang dalam Kementerian Pelajaran yang cuba menyekat bilangan tempat-tempat pengajian tinggi dengan alasan kononnya para lepasan universiti akan sukar mendapat pekerjaan jika kita beri terlampau banyak tempat-tempat kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti pelajaran tinggi. Rakyat jelata sedar bahawa matlamat Kerajaan meninggikan taraf pelajaran adalah semata-mata untuk melengkapkan rakyat dengan ilmu pengetahuan dan kebolehan yang lebih meluas bagi menghadapi cabaran hidup yang bertambah rumit pada masa hadapan. Tidak ada satupun Kerajaan dalam dunia ini dapat memberi jaminan kepada lepasan-lepasan universiti dengan pekerjaan. Begitu juga kepada pelajar-pelajar yang lulus dalam peperiksaan STP atau MCE/SPM.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada Pendaftaran Pengundi. Pergerakan pendaftaran pengundi baru-baru ini bagi tahun 1979 yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya mulai daripada 14hb November, 1979 selama 2 hari telahpun tamat.

Kerajaan telah menyediakan sebanyak 4,300 pusat pendaftaran di seluruh negeri untuk tujuan tersebut. Mengikut laporan hanya 80,000 orang dari bakal pengundi yang dianggarkan seramai 300,000 orang itu mendaftarkan diri, bermakna jika kita kira dengan hitung panjang, maka tiap-tiap satu pusat pendaftaran pengundi itu cuma berjaya dapat mendaftarkan lebih kurang 18 orang pengundi baru dalam pergerakan itu, iaitu dalam tempoh 42 hari. Oleh yang demikian, pergerakan pendaftaran pengundi bagi tahun 1979 boleh dikatakan gagal atau tidak memuaskan.

Mengikut pendapat saya, kegagalan ini disebabkan oleh dua faktor. Faktor yang pertama, ialah kerana bakal pengundi kita mempunyai sikap tidak apa dan tidak ambil berat tentang hal tersebut. Mereka itu sanggup dengan mudah melepaskan hak memilih dan dipilih yang diperolehi sebagai rakyat Malaysia.

Faktor yang kedua, ialah kerana cara pendaftaran yang kita amalkan sekarang nampaknya tidak begitu sesuai dan patut dikaji semula untuk menyesuaikan mengikut perkembangan zaman dan kehendak-kehendak rakyat.

Negara kita adalah sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi berparlimen. Kerajaan ditubuhkan melalui proses pilihanraya umum bagi tiap-tiap lima tahun sekali. Untuk menjamin sistem demokrasi kita menjadi lebih bererti, maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan memastikan kesemuanya rakyat yang meningkat umur 21 tahun mempunyai kuasa memilih dan dipilih, satu daripada hak-hak asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan kita. Oleh yang demikian, saya suka di sini mengesyorkan kepada Kerajaan supaya cara pendaftaran pengundi baru diubahsuai dengan cara yang seperti berikut:

1. Kita hendaklah mengadakan pusat pendaftaran pengundi tetapi di dalam tiap-tiap kawasan pilihanraya Negeri untuk mendaftarkan pengundi-pengundi baru sepanjang tahun.
2. Pusat-pusat pendaftaran pengundi ini hendaklah ditempatkan di Pejabat-pejabat Pos atau Wakil-wakil Pos yang sedia ada di kawasan-kawasan yang berkenaan.
3. Kita memberi kuasa kepada pegawai atau kerani di Pejabat-pejabat Pos atau Wakil-wakil Pos untuk mendaftarkan pengundi-pengundi baru yang layak sepertimana mereka itu ditugaskan membaharui lesen radio, membaharui lesen TV dan juga menerima kiriman wang simpanan pekerja-pekerja seperti diamalkan pada masa sekarang.
4. Mengadakan undang-undang bagi mewajibkan setiap rakyat yang meningkat umur 21 tahun mendaftarkan diri sebagai pengundi dalam tempoh masa enam bulan dan sekiranya gagal berbuat demikian mereka itu hendaklah didenda.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara-cara ini saya percaya masalah kegagalan pendaftaran pengundi baru akan dapat diatasi dan

sambil itu akan dapat menjimatkan perbelanjaan bagi menyediakan 4,300 pusat pendaftaran pengundi yang tidak mendatangkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, inilah serba sedikit pandangan saya dan akhirnya saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1980 dengan sepenuhnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

6.24 ptg.

**Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bagi mengalu-alukan serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1980.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang mana telah menyediakan Belanjawan bagi tahun 1980 dengan begitu bijak serta menerima segala teguran-teguran yang telah datangnya daripada kami sekalian pada masa beliau menjelaskan Belanjawan tersebut.

Di sini saya juga ingin menyampaikan apa yang telah saya dapati daripada golongan-golongan professional dan juga orang-orang yang pertengahan mengatakan Belanjawan yang telah disediakan oleh Yang Berhormat

itu adalah sangat baik. Apa yang kita tahu pertumbuhan ekonomi Malaysia bertambah kukuh dari setahun ke setahun. Maka dengan bertambahnya hasil pendapatan kewangan negara kita ini saya yakin dan percaya projek-projek pembangunan dan perindustrian akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin yang boleh, khasnya projek-projek di negeri Pahang seumpama kilang kertas di Pekan, Hospital Besar di Kuantan dan juga jambatan yang menyeberangi Sungai Kuantan ke Peramu.

Saya juga ingin menyentuh Kepala 24 mengenai Pertanian. Saya sangat gembira kerana Kerajaan akan menambah lebih daripada \$170 juta bagi mengembangkan perkhidmatan pertanian di seluruh Malaysia. Jika sekiranya tenaga manusia didapati berkurangan di luar-luar bandar, maka kuasa-kuasa jentera hendaklah digunakan bagi menjayakan tanah-tanah yang tinggal terbenkakai.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin bolehlah menyambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 14hb Disember, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*